



Ke Arah Penyempurnaan

Mass Rapid Transit Corporation
Laporan Kemajuan Tahunan 2020





Laporan Kemajuan Tahunan 2020

Ke Arah Penyempurnaan





Singkatan

APAD	Agensi Pengangkutan Awam Darat
KVMRT	Transit Aliran Massa Lembah Klang
MRT Corp	Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd
MRTS	Malaysia Rapid Transit System Sdn Bhd
PDP	Rakan Pelaksana Projek
TC	Kontraktor Siap Pakai
Prasarana	Prasarana Malaysia Berhad
Laluan KG	MRT Laluan Kajang
Laluan PY	MRT Laluan Putrajaya
RTS Link	Rapid Transit Sistem Link

Kandungan

Singkatan	4	RTS Link Di Antara Johor Bahru - Singapura	
Seimbans Lalu	6	Peta RTS Link	73
Ulasan Ketua Pengarah Eksekutif	10	Perolehan	74
Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd		Tanah	76
Visi, Misi dan Prinsip Panduan	16	Komunikasi dan Perhubungan Pihak Berkepentingan	77
Lembaga Pengarah	18	Komersial	
Jawatankuasa-Jawatankuasa Lembaga Pengarah	22	Pengiklanan	81
Barisan Kepimpinan	24	Ruang Niaga dan Sewaan Aset Komersial	82
Integriti	26	Telekomunikasi Komersial	82
Jaminan Kualiti dan Program Jaminan Kualiti	28	Hak Penamaan Stesen	83
Pengurusan Risiko	30	Acara dan Aktivasi	83
Projek MRT Lembah Klang		Laporan Kewangan	
Rangkaian Rel Bandar Berintegrasi Lembah Klang	34	Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020	86
MRT Laluan Putrajaya		Penyata Keuntungan atau Kerugian dan Pendapatan Komprehensif Lain untuk Tahun Berakhir 31 Disember 2020	87
Peta MRT Laluan Putrajaya	39	Penyata Perubahan Ekuiti untuk Tahun Berakhir 31 Disember 2020	87
Pembinaan	41	Penyata Aliran Tunai untuk Tahun Berakhir 31 Disember 2020	88
Bas Perantara	46	Pakej Kerja Yang Dianugerahkan	
Perolehan	48	MRT Laluan Kajang	92
Tanah	49	MRT Laluan Putrajaya	98
Program Kerjasama Industri	50	RTS Link	102
Penyertaan Bumiputera	52		
Kuarters Pekerja	54		
Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar	56		
Komunikasi dan Perhubungan Pihak Berkepentingan	58		
MRT Laluan Kajang			
Peta MRT Laluan Kajang	65		
Bas Perantara	66		
Komunikasi dan Perhubungan Pihak Berkepentingan	68		

Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif



Datuk Mohd Zarif Hashim

Ketua Pegawai Eksekutif

Tahun tempoh laporan ini merupakan tahun yang penting untuk MRT Corp di mana pelbagai acara telah diadakan dan kejayaan telah dicapai dalam pembinaan MRT Laluan Putrajaya yang menghampiri fasa terakhir. Pada waktu yang sama, kami juga teruja untuk memulakan Projek RTS Link di Johor Bahru dengan upacara pecah tanah yang telah diadakan pada bulan November 2020.

Menghampiri Penamat

Dalam tempoh laporan ini, sukacita saya melaporkan bahawa keseluruhan pembinaan MRT Laluan Putrajaya telah melepasi tahap tiga-perempat siap pada bulan Jun 2020 dan mengakhiri tahun ini dengan kemajuan pada 85.12% siap. Ini bermakna projek melebihi tahap kemajuan terancang pada 83.95%.

Lebih penting adalah kemajuan Fasa Satu laluan yang meliputi bahagian bertingkat di antara stesen Sungai Buloh dan Kampung Batu dan akan dibuka pada tahun depan. Pada 31 Disember 2020, Fasa Satu telah 96.65% siap, melebihi tahap kemajuan terancang pada 96.14%.

Fasa Dua, dari Kampung Batu ke Putrajaya Sentral yang meliputi bahagian bawah tanah dan bahagian bertingkat di selatan, adalah 82.14% siap, melebihi tahap kemajuan terancang pada 80.8%.

Ini merupakan satu pencapaian yang baik walaupun berhadapan dengan pengurangan belanjawan MRT Laluan Putrajaya yang agak besar. Pada 17 Januari 2020, MRT Corp dan MMC Gamuda KVMRT (PDP SSP) telah menandatangani perjanjian tambahan di mana MMC Gamuda akan berperanan sebagai kontraktor siap pakai dan bukan lagi sebagai rakan pelaksana projek. Perjanjian ini turut merangkumi pengurangan kos pembinaan sebanyak RM8.82 billion kepada RM30.53 billion.

Pembinaan projek turut terkesan oleh pandemik Covid-19, terutamanya dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan dan juga pengurusan kes jangkitan di kalangan pekerja. Namun begitu, kami bernasib baik kerana kemajuan projek tidak begitu terjejas.

Dari segi pencapaian, sukacita saya melaporkan bahawa semua kerja pemasangan trek untuk Fasa Satu MRT Laluan Putrajaya telah berjaya disiapkan dalam tempoh laporan ini. Ini telah membolehkan tren elektrik diuji sepanjang laluan utama bahagian tersebut. Dua puluh set tren empat-gerabak yang telah siap dipasang daripada keseluruhan 49 tren telah dihantar ke Depoh Sungai Buloh, dan jumlah ini mencukupi untuk operasi Fasa Satu pada tahun depan. Bekalan kuasa, semboyan dan komunikasi untuk bahagian ini turut siap dalam tahun laporan ini.

Satu lagi pencapaian utama adalah selesainya kerja-kerja terowong untuk MRT Laluan Putrajaya. Pada 11 Oktober 2020, mesin pengorek terowong terakhir yang masih beroperasi telah sampai ke dinding luar Stesen Tun Razak Exchange dan ini menandakan selesainya aktiviti yang amat penting dalam pembinaan projek, di mana 12 mesin pengorek terowong telah mengorek terowong berkembar sejauh 23,591m dalam keadaan geologi yang sangat mencabar selama 31 bulan.

Kerja pembinaan untuk bahagian Fasa Dua juga sedang berjalan dengan baik, di mana semua tiang bertingkat dan terowong (di bawah pakej kerja bertingkat) telah siap, kecuali bahagian potong dan tutup kembali di Jalan Ipoh di mana kerja-kerja papak bawah masih sedang dijalankan. Kerja-kerja senibina dan perkhidmatan elektrik dan mekanikal untuk stesen-stesen bertingkat juga sedang dijalankan.

Selain daripada menyiapkan semua kerja-kerja terowong, Pakej Kerja Bawah Tanah tertumpu kepada aktiviti-aktiviti pembinaan stesen bawah tanah, dengan kerja-kerja binaan senibina, perincian seperti dinding sekatan, lepaan lantai dan kerja-kerja cat, kerja-kerja bangunan perkhidmatan elektrik dan mekanikal sedang dijalankan di semua stesen dan syaf.

Kerja-kerja sistem elektrik dan mekanikal turut menunjukkan kemajuan yang memuaskan. Pada akhir tahun laporan, 29 set tren yang siap dipasang telah dihantar sementara komponen-komponen untuk 11 set tren telah dihantar ke kilang pemasangan di Rasa, Hulu Selangor. Pakej kerja-kerja sistem yang lain seperti semboyan, kerja-kerja landasan, bekalan kuasa, pintu platform, kutipan tambang automatik dan komunikasi, kebanyakannya berada dalam tahap penyerahan, pemasangan, pengujian dan pentauliahan.

Sementara untuk bas perantara pula, sejajar dengan langkah pengurangan kos, keputusan telah dibuat untuk menggunakan 50 unit bas, yang pada awalnya telah diperolehi untuk MRT Laluan Kajang, digunakan bagi MRT Laluan Putrajaya. Bas perantara tersebut sedia untuk digunakan sebaik sahaja Fasa Satu laluan dibuka pada tahun hadapan. Untuk operasi Fasa Dua, kami sedang mempertimbangkan untuk memperoleh bus Midi yang panjangnya kurang dari 9m dan juga kemungkinan untuk menggunakan bas elektrik.

Aksi di Selatan

Sementara kami menghampiri penghujung pembinaan MRT Laluan Putrajaya, satu babak baru telah terbuka untuk kami di selatan Semenanjung Malaysia di mana kami telah menyaksikan permulaan projek seterusnya yang akan dilaksanakan oleh MRT Corp.

Pada 22 November 2020, majlis pecah tanah bagi Projek RTS Link di antara Johor Bahru dan Singapura telah diadakan di tapak Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin di Bukit Chagar.

Oleh kerana Perintah Kawalan Pergerakan sedang berkuatkuasa pada masa itu, majlis telah diadakan secara maya di mana Sultan Johor, Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar merasmikan majlis pecah tanah dari Istana Bukit Serene. Detik bersejarah tersebut menyaksikan Baginda Sultan menandatangani plak elektronik di istana, yang mana telah menggerakkan mesin pengorek cerucuk untuk menggali ke dalam tanah di Bukit Chagar, menandakan pecah tanah telah sempurna dilangsungkan untuk projek ini.

Majlis ini telah dihadiri oleh Tunku Mahkota Johor, Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Menteri Besar Johor YAB Datuk Haji Hasni Mohammad dan para pegawai negeri Johor di Istana Bukit Serene; Menteri Pengangkutan YB Datuk Seri Ir Dr Wee Ka Siong turut menghadiri majlis ini dari Putrajaya menerusi aplikasi persidangan video; dan lebih 200 tetamu lain turut hadir secara maya.

Hari berikutnya, MRT Corp dan Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) telah melancarkan pertandingan reka bentuk fasad Stesen RTS Link Bukit Chagar. Pertandingan ini dibuka kepada semua arkitek warganegara Malaysia. Tarikh

akhir penyerahan reka bentuk adalah pada 25 Januari 2020, diikuti dengan penilaian akhir pada Februari 2021. Penilaian akan dilakukan oleh panel juri yang dipengerusikan oleh Baginda Sultan Johor, terdiri daripada Tunku Mahkota Johor, YAB Menteri Besar Johor dan juga para wakil dari MRT Corp dan PAM.

Pakej kerja pertama bagi Projek RTS Link untuk kerja-kerja awalan telah dianugerahkan. Kerja-kerja lain yang telah dianugerahkan bagi Projek RTS Link dalam tahun laporan ini termasuk penilaian terperinci impak alam sekitar, penilaian impak sosial, penilaian impak warisan, perunding juru ukur tanah, perunding juru ukur bahan, perkhidmatan undang-undang dan Jurutera Perunding Bebas.

Skim Keretapi bagi projek ini telah diserahkan kepada Kementerian Pengangkutan untuk kelulusan bersyarat. Setelah mendapat kelulusan, Pemeriksaan Awam selama tiga bulan akan diadakan. Pemeriksaan Awam ini dijangka akan diadakan pada Januari tahun depan.

Apabila siap pada 2026, Projek RTS Link akan memudahkan orang ramai, terutamanya mereka yang berulang-alik setiap hari di antara Malaysia dan Singapura. Selain menyediakan pilihan perkhidmatan pengangkutan merentas sempadan yang efisien di antara Johor Bahru dan Singapura, RTS Link akan turut merangsang aktiviti ekonomi di Johor Bahru dan kawasan persekitarannya.

Masa Depan yang Mencabar

Tahun laporan ini dirintangi pelbagai cabaran yang perlu dihadapi MRT Corp dan rakan kerjanya. Berhadapan dengan pengurangan belanjawan, situasi politik yang tidak menentu dan pandemik Covid-19, MRT bersama dengan rakan kerjanya telah berjaya mengharungi segala-galanya dalam memastikan misi untuk melaksanakan projek berjalan dengan lancar.

Dengan kerajaan mengambil langkah untuk melaksanakan polisi perbelanjaan dana awam yang lebih ketat dan juga pandemik yang berterusan, MRT Corp sedar bahawa segala cabaran yang perlu ditempuhi tidak akan berakhir dalam waktu terdekat. Dengan pengoperasian Fasa Satu MRT Laluan Putrajaya yang akan berlaku tidak lama lagi dan pembinaan Projek RTS Link yang akan giat dijalankan, tahun kewangan berikutnya akan terus menguji kebolehan kami.

MRT Corp bersama rakan-rakan kerja kami sedar akan cabaran yang mendatang. Pihak kami akan bekerjasama dengan erat untuk bersedia menghadapi dan mengatasi cabaran ini. Kami percaya kami berupaya menjadi lebih kuat dan mampu menyiapkan projek-projek yang telah diamanahkan oleh Kerajaan kepada kami.

Terima kasih.



Datuk Mohd Zarif Hashim

Ketua Pegawai Eksekutif





Seimbans Lalu



Persetujuan Tambahan Dimeterai

17 Januari 2020

Majlis menandatangani Persetujuan Tambahan di antara MRT Corp dan MMC Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn Bhd bagi perubahan yang dilakukan berdasarkan inisiatif rasionalisasi kos pembinaan untuk MRT Laluan Putrajaya telah diadakan di Kementerian Kewangan, Putrajaya.



Pengurusan Alam Sekitar Terbaik

12 Februari 2020

MRT Corp telah berjaya mencapai satu lagi pengiktirafan bagi MRT Laluan Putrajaya apabila menerima pensijilan ISO 14001:2015 Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS), yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif SIRIM QAS International Sdn Bhd Encik Mohd Azanuddin Saleh kepada mantan Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Encik Abdul Yazid Kassim.



Lawatan Tapak MRT Laluan Putrajaya

13 Februari 2020

Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Datuk Isham Ishak melawat tapak Stesen MRT Chan Sow Lin untuk meninjau perkembangan Projek Laluan PY, bersama dengan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Dato' Dr Syed Omar Sharifuddin Syed Ikhsan, Ketua Pengarah APAD Encik Azlan Shah Parames Al Bakri dan Pengarah Projek Laluan PY Dato' Amiruddin Ma'aris.



Penyertaan Bumiputera dalam Projek RTS Link

23 Mac 2020

Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman bagi penyertaan kontraktor Bumiputera dalam Projek RTS Link di antara Johor Bahru dan Singapura oleh MRT Corp dan Johor Centre for Construction Development (JCCD).



Penembusan Terowong Terakhir

17 Julai 2020

Penembusan terowong terakhir bagi Laluan PY di tapak Stesen MRT Ampang Park, disaksikan oleh Ketua Pengarah Eksekutif MRT Corp Datuk Mohd Zarif Hashim, Pengarah Projek Laluan PY Dato' Amiruddin Ma'aris dan pengurusan kanan TC.



Program Usahawan Muda MRT

6 Ogos 2020

Timbalan Menteri Kewangan II YB Tuan Mohd Shahar Abdullah menghadiri majlis makan malam bersama para peserta Program Usahawan Muda MRT.



Pemeriksaan Terowong

10 Ogos 2020

Pasukan APAD memeriksa terowong di antara Stesen MRT Bandar Malaysia Utara dan Stesen MRT Chan Sow Lin.



Penghantaran tren pertama MRT Laluan Putrajaya

4 September 2020


Ketibaan tren elektrik pertama yang diberi nama kod ET21, tren yang pertama daripada 29 tren yang akan dihantar ke Depoh Serdang.



Majlis Pecah Tanah Projek RTS Link

22 November 2020

Majlis Pecah Tanah Projek RTS Link di antara Johor Bahru dan Singapura yang diadakan secara maya menandakan permulaan rasmi kerja-kerja pembinaan projek tersebut.



Forum Tahunan Pengurusan Risiko secara maya

21 Disember 2020

Forum Tahunan Pengurusan Risiko telah diadakan secara maya setelah mengambil kira pandemik Covid-19, di mana para penceramah memberikan penyampaian mereka melalui persidangan video.

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd

MRT Corp ditubuhkan pada 2011 dan dimiliki penuh oleh Menteri Kewangan Malaysia, Diperbadankan. Syarikat ini menerajui pembangunan rel metro di Malaysia.

Pada 2017, MRT Corp telah berjaya menyiapkan laluan MRT yang pertama di negara ini, MRT Laluan KG (sebelum ini dikenali sebagai MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang atau SBK) sepanjang 51km.

Kini, syarikat sedang bergerak maju ke arah menyiapkan MRT Laluan PY (sebelum ini dikenali sebagai MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya atau SSP), di mana Fasa Satu dijadualkan untuk mula beroperasi pada pertengahan 2021. Keseluruhan Laluan PY akan beroperasi pada Januari 2023.

MRT Corp turut dilantik sebagai InfraCo Malaysia bagi Projek Rapid Transit System (RTS) Link di antara Johor Bahru dan Singapura. Kerja-kerja infrastruktur sivil projek ini dijadualkan siap pada Disember 2024 sementara pembukaan keseluruhan laluan disasarkan pada 31 Disember 2026.

MRT Corp turut merancang dan mereka bentuk rangkaian rel metro yang akan datang. Dalam segala usaha yang dicurahkan, MRT Corp bertungkus-lumus untuk menjadi pemangkin pembangunan semula sosio-ekonomi bandar melalui sistem pengangkutan rel metro yang inklusif dan pembangunan komuniti berasaskan-transit.





Visi

Untuk diiktiraf sebagai penyedia utama perkhidmatan rel bandar.

Misi

Untuk menghasilkan dan menyampaikan satu sistem MRT yang efektif, efisien dan bersepadu; dengan selamat mengikut jadual dan menepati kos.

Prinsip Panduan

Keterbukaan

Kami saling menghormati antara satu sama lain, menghargai perbezaan dan memanfaatkan perubahan di bawah satu kepimpinan.

Kerjasama

Kami bekerja dengan berkesan sebagai satu pasukan ke arah mencapai matlamat bersama.

Kejujuran

Kami sentiasa mendukung kejujuran dan integriti.

Kecemerlangan

Kami sentiasa melakukan perkara yang betul dengan cara yang betul.

Tanggungjawab

Kami sentiasa bertindak secara sensitif dan bertanggungjawab di atas segala tindakan dan hasil kerja.

Lembaga Pengarah



Datuk Isham Ishak, 52, ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia. Sebelum ini, beliau adalah Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia pada 17 Februari 2019 hingga 24 November 2019 dan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI) pada 2 Julai 2018 hingga 16 Februari 2019. Beliau juga merupakan Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan) MITI dari 2016 hingga 2018.

Beliau telah berkhidmat dalam beberapa bahagian berkaitan dengan aspek perdagangan dan industri antarabangsa dan serantau semasa di MITI, termasuk Fasilitasi Perdagangan, Perancangan Strategik, WTO, APEC dan ASEAN. Beliau telah berjaya membantu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSMEs) di Malaysia semasa berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Operasi dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif SME Corporation Malaysia. Beliau turut berkhidmat sebagai Penasihat Menteri di Pejabat MITI Washington D.C. dari 2006 hingga 2011.

Datuk Isham adalah Pegawai Khas kepada mantan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Tan Sri Rafidah Aziz dari 2004 hingga 2006, dan Pegawai Khas kepada Tun Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia yang kelima.

Semasa berkhidmat di dalam perkhidmatan awam, beliau adalah Ketua Perunding untuk Malaysia bagi Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dari 2016 hingga 2018. Beliau adalah Timbalan Ketua Perunding bagi Malaysia untuk Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) yang kemudiannya dikenali sebagai Perjanjian Komprehensif dan Progresif untuk Perkongsian Trans-Pasifik (CPTTP) dari 2011 hingga 2015. Beliau juga merupakan salah seorang Perunding Malaysia untuk D-8 atau 8-Organisasi Membangun untuk Kerjasama Ekonomi dan Ketua Malaysia untuk Jawatankuasa Penyelaras ASEAN bagi Perkhidmatan (CCS).

Semasa berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan) MITI, beliau turut dilantik sebagai Pegawai Kanan Ekonomi untuk Malaysia, untuk menyelia pelaksanaan Pelan Induk Komuniti Ekonomi (AEC) di Malaysia dan ASEAN. Beliau juga merupakan wakil Malaysia untuk Pasukan Petugas Tahap-Tinggi Komuniti Ekonomi ASEAN (HLTF-EI), kumpulan tahap tertinggi di kalangan para pegawai ekonomi di ASEAN semasa berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha MITI. Datuk Isham turut merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah Malaysia Rapid Transit System Sdn Bhd, sebuah anak syarikat MRT Corp yang ditubuhkan sebagai syarikat infrastruktur Malaysia (InfraCo) bagi RTS Link.



**Dato' Dr Amiruddin
Muhamed**

Dato' Dr Amiruddin Muhamed, 48, ialah Timbalan Setiausaha (Strategik dan Am) Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan Kementerian Kewangan.

Sebelum beliau dilantik ke jawatan tersebut pada Ogos 2018, beliau merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, jawatan yang dipegangnya sejak 2014.

Sebelum itu, beliau telah memegang beberapa jawatan di Kementerian Kewangan, bermula di Jabatan Akauntan Negara di mana beliau memegang jawatan Penolong Pengarah. Beliau kemudiannya berpindah ke Bahagian Pelaburan, MKD (Diperbadankan) dan Penswastaaan di mana beliau memegang jawatan Ketua Penolong Setiausaha Kanan.

Di antara tugas beliau adalah menguruskan aktiviti pengkorporatan dan penswastaaan agensi di bawah bidang kuasa Kementerian tertentu. Beliau kemudiannya berpindah ke Bahagian Pelaburan Strategik.

Dato' Dr Amiruddin memegang Ijazah Doktor Falsafah di dalam bidang Perakaunan dan Kewangan dari Durham University, United Kingdom. Beliau mempunyai Ijazah Sarjana Ekonomi (Pembangunan Ekonomi) dan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia.



**Encik Ahmad Zubir
Zahid**

Encik Ahmad Zubir Zahid, 47, ialah Pengarah Zulu Capital Sdn Bhd, sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti swasta yang berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang beliau tubuhkan pada 2014 di mana syarikat ini melabur dalam syarikat-syarikat tidak tersenarai terutamanya dalam industri makanan dan minuman.

Beliau juga merupakan Pengarah Eksekutif Thinkat Advisory Sdn Bhd, sebuah firma penasihat kewangan korporat butik yang dilesenkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Beliau mempunyai pengalaman lebih daripada tujuh tahun dalam industri minyak dan gas luar pesisir, sebagai Ketua Pegawai Kewangan (CFO) bagi tiga syarikat pembinaan luar pesisir yang berlainan. Sebelum menubuhkan Zulu Capital Sdn Bhd dan Thinkat Advisory Sdn Bhd, beliau adalah CFO Daya Offshore Construction Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Daya Materials Berhad yang menawarkan perkhidmatan pembinaan dasar laut. Sebelum itu, beliau merupakan CFO Labuan Shipyard & Engineering Sdn Bhd, sebuah kontraktor perkhidmatan luar pesisir dan marin, dan SapuraAcergy Sdn Bhd, sebuah kontraktor pembinaan dan kejuruteraan dasar laut-ke-permukaan. Kedua-dua syarikat ini adalah syarikat usahasama dalam kumpulan Sapura Energy Berhad.

Sebelum menyertai industri minyak dan gas, beliau menghabiskan lebih daripada satu dekad dalam industri perkhidmatan kewangan sebagai perunding pengurusan, jurubank pelaburan dan juruaudit di Ethos Consulting, ECM Libra, CIMB Investment Bank dan PwC Malaysia.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari University of Chicago Booth School of Business, Amerika Syarikat. Beliau memperolehi Sarjana Muda Sains dalam bidang Ekonomi dan Perakaunan dari University of Bristol di United Kingdom pada tahun 1996.

Beliau adalah seorang felo Institute of Chartered Accountants di England dan Wales dan ahli bersekutu Institute of Chartered Accountants di Australia dan New Zealand. Beliau juga ialah ahli Institut Akauntan Malaysia dan seorang Pakar Penilaian Perniagaan Chartered Accountants Australia dan New Zealand. Beliau juga merupakan pemegang lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk aktiviti memberi nasihat tentang kewangan korporat dan juruaudit syarikat berlesen yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.



**Dato' Noorizah
Abd Hamid**

Dato' Noorizah Abd Hamid, 60, adalah mantan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif PLUS Malaysia Berhad.

Semasa menerajui syarikat tersebut, beliau terlibat dalam perundingan dan perolehan beberapa projek lebuhraya seperti Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah (ELITE), Laluan Kedua Malaysia-Singapura (Link kedua) dan Lebuhraya Butterworth-Kulim serta lebuhraya di Indonesia dan India.

Beliau turut terlibat dalam penswastan PLUS Expressway Bhd yang melibatkan perundingan dengan pihak Kerajaan dalam mengkaji semula perjanjian konsesi syarikat dan juga usaha menjana dana sebanyak RM30.6 bilion melalui terbitan sukuk yang merupakan terbitan bon Islam terbesar di dunia dalam penstrukturan semula syarikat.

Beliau merupakan Ketua Pegawai Operasi Faber Group Berhad dari tahun 1999 hingga tahun 2003, Pengarah Urusan Faber Group Berhad dan Faber Hotels Holdings Berhad dari tahun 2004 hingga 2007 di mana beliau telah menjalankan pengurusan keseluruhan syarikat tersebut.

Semasa beliau berkhidmat di Faber, tugas utama beliau adalah melaksanakan penyusunan semula kewangan syarikat yang merosot.

Jawatan kanan lain yang pernah dijabat beliau termasuk Pengurus Besar Kanan Kewangan Projek Lebuhraya Utara Selatan Berhad, Pengurus Kanan Kewangan Korporat Hatibudi Management Sdn Bhd, Pengurus Kewangan Korporat Renong Berhad dan Pegawai Kanan Kewangan Korporat Permodalan Nasional Berhad.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan dan Pengurusan) dari Central Michigan University, Amerika Syarikat. Beliau juga memiliki Sarjana Muda Sains dalam Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari universiti yang sama dan Diploma Perakaunan dari Institut Teknologi MARA.



**Encik Mohd Khalid
Haji Mohamed**

Encik Mohd Khalid Haji Mohamed, 66, memegang jawatan Pengarah Syarikat Dasar Wijaya Sdn Bhd, sebuah firma pembinaan yang menjalankan kerja-kerja berkaitan pembangunan perumahan dan pembinaan awam. Sebelum ini, beliau terlibat dalam Projek Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKVE) sebagai Pengurus Besar Kanan di syarikat Ahmad Zaki Sdn Bhd, di mana beliau telah mengetuai rundingan terma teknikal dan komersial untuk Perjanjian Konsesi dengan Kementerian Kerja Raya.

Ketika berkhidmat di sana, beliau turut membantu mendapatkan pembiayaan sukuk sebanyak RM2 bilion dan bekerjasama untuk mendapatkan Pinjaman Sokongan Kerajaan berjumlah RM635 juta.

Antara jawatan lain yang telah beliau pegang adalah Pengurus Besar IJM Construction Sdn Bhd, di mana beliau telah diberi kepercayaan untuk menubuhkan dan mengetuai syarikat konsesi sehingga pengoperasian sepenuhnya Projek Lebuhraya Kajang Seremban (LEKAS) dan juga Pengurus Besar Usahasama Gamuda-Percon untuk Projek Lebuhraya Shah Alam (KESAS).

Encik Mohd Khalid juga merupakan Ketua Kejuruteraan untuk Projek Penyelenggaraan Lebuhraya Berhad (PROPEL) dan terlibat dalam pembinaan Lebuhraya PLUS. Beliau memulakan kerjaya beliau di Jabatan Kerja Raya pada 1979.

Beliau memperolehi Diploma Nasional dalam bidang Kejuruteraan pada tahun 1975 dari Southampton Technical College, United Kingdom sebelum melanjutkan pengajian di Loughborough University of Technology, United Kingdom di mana beliau telah memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains pada 1978.

Beliau juga merupakan Pengarah Non-Eksekutif Tabung Haji Heavy Engineering Berhad sejak Ogos 2019.




Jawatankuasa-Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah MRT Corp telah menubuhkan empat jawatankuasa untuk memastikan integriti dan tadbir urus korporat syarikat yang baik. Empat jawatankuasa tersebut adalah:

- *Jawatankuasa Audit dan Risiko*
- *Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran*
- *Jawatankuasa Pemberi Maklumat*
- *Jawatankuasa Perbankan*

Ahli-ahli setiap jawatankuasa terdiri daripada ahli Lembaga Pengarah.





Barisan Kepimpinan



Datuk Mohd Zariff Hashim

Ketua Pegawai Eksekutif

Datuk Mohd Zariff Hashim adalah Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp. Sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, beliau menetapkan hala tuju strategik keseluruhan organisasi dan memastikan pelaksanaan projek-projek adalah sejajar dengan mandat Kerajaan dan selari dengan halatuju yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.



Encik Azwa Abdul Aziz

Ketua Pegawai Komersial

Encik Azwa Abdul Aziz bertanggungjawab ke atas pelaksanaan aktiviti-aktiviti komersial bagi memastikan pengurusan perolehan dan kontrak dilaksanakan dengan lebih efisien, telus dan cekap, pada masa yang sama memastikan kawalan kos yang baik untuk semua projek. Beliau turut ditugaskan untuk menguruskan aktiviti-aktiviti bukan tambang dan pelaksanaan agenda Bumiputera dalam projek-projek MRT Corp.



Encik Shahrul Fadli Omar

Ketua Pegawai Kewangan

Sebagai Ketua Pegawai Kewangan, Encik Shahrul Fadli Omar bertanggungjawab dalam memastikan keseluruhan pengurusan kewangan dan pentadbiran korporat organisasi adalah berkesan dan efisien. Beliau bertanggungjawab dalam pengurusan teknologi informasi untuk operasi organisasi dan mengawasi pengurusan aset untuk memastikan penggunaan dan penyelenggaraan pada tahap optimum.



Dato' Zainal Adam

Ketua Pegawai Integriti

Sebagai Ketua Pegawai Integriti, Dato' Zainal Adam bertanggungjawab ke atas keberkesanan pelaksanaan polisi integriti di dalam organisasi, serta memupuk budaya integriti di kalangan pihak berkepentingan projek-projek MRT Corp menerusi program-program dan inisiatif -inisiatif untuk memastikan pematuhan polisi dan prosedur integriti sepenuhnya.



Dato' Amiruddin Ma'aris

Pengarah Projek MRT Laluan Putrajaya

Sebagai Pengarah Projek bagi Laluan PY, Dato' Amiruddin Ma'aris menguruskan keseluruhan pelaksanaan Laluan PY dengan memastikan keberkesanan pengurusan pembinaan supaya objektif utama projek dapat dicapai. Beliau bertindak sebagai wakil majikan dalam menguruskan pihak berkepentingan projek yang berkenaan supaya dapat memastikan pelaksanaan projek berjalan dengan lancar.



Encik Mohd Yusof Kasiron

Pengarah Piawaian dan Pematuhan

Sebagai individu yang bertanggungjawab di atas aspek kualiti dan keselamatan, Encik Mohd Yusof Kasiron perlu memastikan projek-projek MRT Corp dilaksanakan dengan menepati amalan terbaik, undang-undang dan peraturan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar.

Beliau perlu memastikan sistem dan prosedur operasi piawaian yang diperlukan telah digubal untuk mengawal dan menjamin kualiti projek. Beliau juga bertanggungjawab dalam usaha memacu dan menguruskan piawaian ISO MRT Corp, dan penyimpanan ilmu pengetahuan dan dokumen.



Encik Abdul Mutallif Abdul Manaf

Pengarah Sumber Manusia Strategik

Sebagai Pengarah Sumber Manusia Strategik, Encik Abdul Mutallif Abdul Manaf bertanggungjawab dalam memastikan strategi tenaga yang berkesan wujud untuk memastikan pengambilan dan pengekalan bakat serta pembangunan pekerja yang berterusan, dan pada waktu yang sama, mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dan berharmoni dalam organisasi.

Beliau juga bertanggungjawab menguruskan sebarang perubahan dengan memastikan polisi dan amalan sedia ada kekal berdaya saing berbanding organisasi lain dan setara dalam organisasi ini untuk memacu kecemerlangan yang berterusan.



Mr David Loo Kean Beng

Pengarah Hal-Ehwal Undang-Undang

Mr David Loo Kean Beng adalah Pengarah Hal-Ehwal Undang-Undang dan bertanggungjawab dalam menguruskan semua hal undang-undang dan kesetiausahaan syarikat. Ini termasuk urusan tanah seperti perjanjian dengan pemilik tanah untuk kewujudan bersama dan memastikan syarat-syarat kontrak perjanjian pembinaan dan segala pertikaian berkenaan projek dan operasi diurus dan dilaksanakan dengan berkesan.

Integriti

MRT Corp amat mementingkan integriti dan tadbir urus yang baik dalam operasi perniagaannya.

Dalam tempoh laporan, Bahagian Tadbir Urus Integriti telah melaksanakan Pelan Integriti 2020 dalam usaha memantapkan lagi tadbir urus yang baik dan juga memupuk budaya integriti di dalam organisasi. Tonggak Pelan Integriti 2020 adalah berasaskan tonggak T.R.U.S.T dan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan untuk setiap tonggak, adalah seperti yang disenaraikan di bawah:

No.	Tonggak / Objektif	Inisiatif-Inisiatif yang Dilaksanakan pada 2020
1.	Iltizam Aras Tertinggi – Untuk meyakinkan Lembaga Pengarah bahawa operasi MRT Corp mematuhi polisi dalaman dan keperluan yang ditetapkan di dalam organisasi.	<ul style="list-style-type: none"> ○ Ceramah Eksekutif oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM Dato' Shamshun Baharin. ○ Keperluan mandatori untuk semua warga kerja menghadiri sekurang-kurangnya satu program integriti sebagai sebahagian daripada Pembelajaran dan Inovasi.
2.	Penilaian Risiko – Untuk mengadakan penilaian risiko rasuah secara berkala melalui pengenalpastian risiko, analisis, penilaian dan pengutamaan.	<ul style="list-style-type: none"> ○ Woksyop Risiko Rasuah diadakan dengan unit-unit kerja untuk mengenalpasti risiko rasuah baharu dan kawalan-kawalan yang akan diadakan untuk mengawalinya.
3.	Mewujudkan Langkah Kawalan – Mengadakan langkah-langkah kawalan yang munasabah dan sepatutnya dan juga langkah-langkah luar jangka dalam menghadapi sebarang risiko rasuah yang wujud disebabkan oleh kelemahan kerangka kerja, proses-proses dan prosedur-prosedur tadbir urus organisasi.	<ul style="list-style-type: none"> ○ Woksyop audit dalaman Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ABMS) - latihan audit dalaman diadakan untuk semua Duta Integriti selepas mereka diberi tugas audit. ○ Melaksanakan langkah-langkah kawalan ke atas risiko rasuah yang dikenalpasti - untuk memastikan semua risiko rasuah yang dikenalpasti adalah terkawal dan dimasukkan di dalam setiap Prosedur Operasi Standard (SOP) unit kerja. ○ Mengenalpasti latarbelakang vendor - untuk memastikan tiada percanggahan kepentingan di kalangan warga kerja MRT Corp dengan kontraktor/vendor. ○ Merangkumkan keperluan-keperluan Seksyen 17A Liabiliti Korporat Akta SPRM 2009 dalam dokumen-dokumen tender - untuk melindungi kepentingan MRT Corp dan juga mematuhi Akta SPRM 2009.
4.	Penilaian, Pemantauan dan Pelaksanaan Sistematis – Untuk memastikan penilaian berterusan dijalankan untuk menilai prestasi dan keberkesanan program anti-rasuah.	<ul style="list-style-type: none"> ○ Audit Dalaman ABMS – mematuhi keperluan ISO37001:2016 ABMS (menerusi Google Meet). ○ Kajian Semula Proses Perniagaan – untuk mengenalpasti sebarang ketirisan proses perniagaan dan mencadangkan proses penambahbaikan. ○ Pengurusan Penyiasatan dan Aduan – untuk mengesan dan menyiasat sebarang aduan yang diterima daripada pengadu. ○ Pemeriksaan mengejut – untuk memastikan warga kerja mematuhi Tatacara dan Polisi MRT Corp.
5.	Latihan dan Komunikasi – Untuk mewujudkan dan menyebarkan maklumat tentang pengurusan anti-rasuah melalui latihan, komunikasi dalaman dan luaran.	<ul style="list-style-type: none"> ○ Program Kesedaran Integriti untuk MRT Corp (menerusi Google Meet). ○ Siri ceramah berkenaan Liabiliti Korporat Seksyen 17A (menerusi Google Meet). ○ Siri ceramah berkenaan Polisi Anti-Rasuah (menerusi Google Meet). ○ Taklimat integriti semasa Proses RFP/RFQ. ○ Kesedaran tentang ISO37001: ABMS <p>Nota: Program-program ini diadakan untuk memastikan semua warga kerja mematuhi Polisi Anti-Rasuah dan juga Akta SPRM.</p>

Bahagian Tadbir Urus Integriti juga bertanggungjawab untuk mengekalkan pensijilan ISO37001:2016 ABMS dari SIRIM QAS Sdn Bhd. Pensijilan ini diiktiraf di seluruh dunia dan menekankan iltizam MRT Corp ke arah menggunakan keperluan antarabangsa dalam memerangi rasuah di dalam persekitaran kerjanya.

Antara pencapaian utama dalam tempoh laporan adalah pembangunan dan pelaksanaan Plan Organisasi Anti-Rasuah (OACP) MRT Corp 2020-2024. Ringkasan OACP MRT Corp adalah seperti berikut:

	Ke arah organisasi bebas-rasuah
Visi	Rasuah akan merosakkan kepercayaan yang diletakkan kepada sesebuah organisasi dan pembaziran cukai yang diperuntukkan untuk projek-projek penting yang memanfaatkan orang awam. Lembaga Pengarah dan Barisan Kepimpinan MRT Corp bertanggungjawab untuk menghalang rasuah atau mana-mana pembayaran yang tidak wajar dalam operasi kerjanya, yang mana mematuhi Suruhanjaya Anti-Rasuah (SPRM) Akta 2009 (Akta 694) dan Kanun Jenayah (Akta 574).
Misi	MRT Corp beriltizam untuk menyemai budaya keterbukaan dan integriti. Setiap warga kerja harus mempunyai pemikiran anti-rasuah dan mengamalkan standard yang betul di tempat kerja. Menjalankan kerja dengan penuh etika akan membawa organisasi ke arah persekitaran kerja yang bersih.
Objektif	<ul style="list-style-type: none"> ○ Untuk mewujudkan persekitaran kerja yang adil, telus dan berintegriti yang mana bebas dari sebarang rasuah dan penyalahgunaan kuasa. ○ Untuk mengukuhkan kepatuhan korporat dan etika kerja yang baik demi menjaga kepentingan pihak berkepentingan MRT Corp. ○ Untuk menambah baik keberkesanan kawalan dalaman ○ Untuk menggalakkan budaya integriti di dalam organisasi.
Hal-hal yang Diutamakan	<ul style="list-style-type: none"> ○ Tadbir Urus Politik – Mengukuhkan integriti dan kebertanggungjawaban politik. ○ Perolehan – Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan dalam aktiviti peolehan. ○ Tadbir Urus Korporat – Menyemai tadbir urus yang baik dalam entiti korporat.
No. risiko rasuah yang dikenalpasti	56
No. inisiatif	135
<i>Jangka pendek</i>	15
<i>Jangka panjang</i>	120

Seterusnya, dengan sokongan Lembaga Pengarah, Barisan Kepimpinan dan warga kerja MRT Corp, Bahagian Tadbir Urus Integriti akan terus bekerja untuk menyemai budaya integriti, mengekalkan keperluan ISO 37001:2016 ABMS dan melaksanakan serta memantau OACP 2020-2024.

Jaminan Kualiti dan Program Jaminan Kualiti

Program 5S

MRT Corp beriltizam untuk menyediakan tempat kerja yang kondusif untuk semua warga kerjanya. Untuk mencapai objektif ini, Bahagian Piawaian dan Pematuhan melalui Bahagian Jaminan Kualiti telah mengadakan satu program 5S di dalam organisasi dengan pensijilan 5S untuk MRT Corp dirancang dalam tahun laporan.

Pelbagai kempen telah diadakan pada 2020 termasuk satu kempen kesedaran yang merangkumi lima surat berita dan enam video telah dikeluarkan dan disampaikan kepada seluruh warga kerja MRT Corp secara maya, tanpa interaksi fizikal sejajar dengan garis panduan Covid-19 dan dua sesi ceramah kualiti 5S dengan penceramah jemputan dari Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan Universiti Kuala Lumpur, MiTEC melalui platform Google Meet dan Zoom. Satu Woksyop Kesedaran (9 - 10 Disember 2020) dan Woksyop Audit Dalaman (16 - 17 Disember 2020) turut diadakan dengan pelatih jemputan dari MPC.

Pada akhir kempen, beberapa kuiz dan kaji selidik kepuasan pelanggan telah diadakan untuk mengukur tahap kefahaman warga kerja dan keberkesanan aktiviti-aktiviti tersebut.

Kerjasama MRT Corp dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Kementerian Pengangkutan telah melancarkan Pusat Kecemerlangan Rel Negara untuk mengurangkan kebergantungan kepada Pengeluar Peralatan Asal (OEM) dan juga untuk meningkatkan kadar pekerjaan di kalangan graduan. Dalam menyokong matlamat ini, MRT Corp dan Universiti Tun Hussein Onn telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman pada Disember 2020 di mana Projek Galeri Depoh Sungai Buloh telah dikenalpasti dan dijadikan Akademi Metro atau Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Rel. Pusat ini akan menyediakan latihan untuk pensijilan dan pentauliahan bagi industri rel, terutamanya sistem transit aliran massa.

Pelantikan Perunding Penilaian dan Audit Bebas

Pelantikan Perunding Penilaian dan Audit Bebas (IAAC) telah dimandatkan dan satu keperluan dalam Seksyen 103 Akta Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2018 dan Item 15 Kelulusan Bersyarat Skim Keretapi daripada APAD dengan tujuan untuk menilai dan mengaudit Laluan PY dan mengeluarkan Laporan Jurutera yang menyatakan bahawa rel adalah selamat dan boleh digunakan oleh pihak awam.

Pada 17 September 2020, TUV Rheinland Malaysia Sdn Bhd - Antara Jurutera Perunding Sdn Bhd (TAJV) telah dilantik sebagai IAAC.

Dalam tempoh laporan, IAAC telah mengadakan pelbagai kajian semula dokumen dan audit dengan TC pada November hingga Disember 2020 dan penilaian dan audit seterusnya telah dijadualkan sebelum pembukaan Fasa Satu dan keseluruhan Laluan PY.

Sistem Kualiti & Pengurusan Alam Sekitar

Tahun dalam laporan menyaksikan satu perubahan menarik untuk Sistem Pengurusan Kualiti dan Alam Sekitar. Banyak perubahan telah diadakan untuk memastikan pelaksanaan dan keberkesanan sistem tidak terkesan dengan Pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia. Beberapa inisiatif telah dilaksanakan berkaitan dengan perubahan-perubahan tersebut.

- Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) diintegrasikan dengan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) yang berperanan sebagai tulang belakang Sistem Pengurusan. Dengan integrasi ini, ia berupaya untuk mengurangkan duplikasi yang tidak perlu, menonjolkan elemen bertindih dalam kedua-dua sistem dan ini akan memudahkannya untuk diurus dan disemak.
- Pengenalan audit berlandaskan-proses selain daripada audit bahagian. Penggabungan proses-proses audit ini bukan hanya mampu untuk merangkumi jejak sesebuah bahagian dari input ke output malahan jejak keseluruhan sistem pengurusan yang menilai keberkesanan, prestasi, objektif dan sasaran yang akan menyumbang kepada kejayaan keseluruhan pelaksanaan.
- Pengenalan audit atas talian/e-audit sebagai cara baru untuk mengatasi keadaan di mana audit fizikal tidak dapat dilakukan.
- Memperluaskan skop pensijilan oleh Barisan Kepimpinan dalam memastikan pelaksanaan menyeluruh sistem pengurusan kualiti dan alam sekitar di MRT Corp. Perluasan skop ini meliputi RTS Link, Pengurusan Aset dan Kemudahan, Pembangunan Perniagaan dan Bas Perantara.
- Penyerahan audit pengawasan untuk kedua-dua QMS dan EMS yang berjaya dengan mengintegrasikan audit oleh Sirim. Integrasi ini membantu menjimatkan masa dan tenaga, dan membenarkan cara yang menyeluruh dengan peningkatan keberkesanan dan pengurangan duplikasi.
- Pelbagai program dan latihan yang menggunakan pakai cara yang berbeza secara maya dan digital dalam perkongsian maklumat dan ilmu pengetahuan dalam Sistem Pengurusan.
- Perkongsian aktif oleh pasukan IMS melalui latihan kajian semula prosedur, woksyop, tetingkap timbul untuk memastikan warga kerja menerima maklumat berkenaan perubahan dalam Sistem Pengurusan.

Sumbangan, dedikasi dan iltizam daripada Barisan Kepimpinan dan warga kerja MRT Corp telah dapat dilihat keberkesanannya dengan cara memastikan QMS dan EMS dilaksanakan dan disemak sepanjang masa walaupun menghadapi pandemik.

Pengurusan Risiko

Mengambil kira situasi Covid-19 yang melanda dunia termasuk Malaysia sejak awal tahun 2020, kebanyakan sesi penilaian risiko telah diadakan sama ada secara maya atau secara fizikal dengan meminimumkan jumlah peserta dalam mematuhi prosedur Covid-19 MRT Corp. Dalam tempoh laporan, penilaian risiko MRT Corp telah diadakan melalui beberapa siri Woksyop Penilaian Risiko pada peringkat bahagian, Woksyop Penilaian Risiko Strategik pada peringkat pengurusan dan mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Projek pada peringkat projek untuk menilai semua risiko-risiko utama. Resolusi telah dilaporkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Audit dan Risiko dan juga Lembaga Pengarah.

Selain daripada itu, beberapa siri program dan woksyop kesedaran risiko telah diadakan sepanjang tahun untuk menerapkan budaya risiko dan mempertingkatkan pengetahuan berkenaan Pengurusan Risiko di kalangan warga kerja MRT Corp. Empat sesi kesedaran risiko telah diadakan pada tahun 2020 yang merangkumi peringkat gred kerja perkeranian sehingga Eksekutif Kanan.

Forum Pengurusan Risiko MRT Corp bertemakan 'Ketahanan Semasa Pandemik' telah berjaya diadakan secara maya pada 3 Disember 2020 bertujuan untuk menyemai budaya risiko dan kesedaran di kalangan warga kerja. Sejumlah 124 Koordinator Risiko dan Pemilik Bersama Risiko MRT Corp, bersama dengan rakan sekerja mereka dari pihak Kontraktor Pakej Kerja telah menghadiri forum secara maya ini. Penceramah profesional yang berpengalaman dari tiga organisasi peneraju industri seperti Telekom Malaysia, SP Setia dan FGV Holdings telah dijemput untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan mereka tentang Pengurusan Risiko.

Selain daripada itu, surat berita digital Risiko telah diadakan oleh Bahagian Pengurusan Risiko dan disebarkan melalui emel kepada warga kerja. Isu-isu semasa risiko dan iktibar dari industri rel dan pembinaan adalah di antara yang diketengahkan di dalam surat berita digital ini. Kuiz dan pertandingan secara maya turut diadakan sebagai sebahagian daripada program inisiatif risiko dalam tahun ini.

Woksyop risiko Projek RTS Link yang pertama telah diadakan untuk memulakan perjalanan pengurusan risiko projek bagi projek ini. Keperluan pengurusan risiko projek telah diperincikan dalam butir-butir projek untuk dilaksanakan oleh Kontraktor Pakej Kerja selari dengan Rangka Kerja Pengurusan Risiko MRT Corp dan proses-proses pengurusan risiko projek diteruskan dalam projek untuk mengenalpasti risiko-risiko utama kepada objektif projek.



Projek Mass Rapid Transit Lembah Klang

Projek Mass Rapid Transit Lembah Klang

Projek KVMRT melibatkan pembinaan rangkaian rel bandar yang berhubung dengan sistem transit rel ringan (LRT), monorel, KTM Komuter, KLIA Ekspres dan KLIA Transit yang sedia ada, membentuk tulang belakang sistem pengangkutan awam Kuala Lumpur/Lembah Klang.


Projek ini telah diluluskan oleh Kerajaan pada Disember 2010. Pada mulanya pelan yang mengandungi tiga laluan ini dicadangkan kepada Kerajaan oleh konsortium sektor swasta pada awal 2010, yang mana Kerajaan menjalankan satu kajian berkenaan cadangan ini dan telah memberi kelulusan bagi Laluan KG (sebelum ini dikenali sebagai Laluan Sungai Buloh-Kajang atau Laluan SBK) untuk dibangunkan sebagai laluan pertama Projek KVMRT.

Pembinaan Laluan KG sepanjang 51km secara rasminya bermula pada 8 Julai 2011 dan pada 16 Disember 2016, Fasa Satu laluan yang terdiri daripada 12 stesen dari Stesen Sungai Buloh hingga Stesen Semantan mula beroperasi. Tujuh bulan kemudian pada 17 Julai 2017, keseluruhan laluan telah dibuka. Operasi laluan dikendalikan oleh Rapid Rail Sdn Bhd, anak syarikat Prasarana.


Kelulusan untuk pelaksanaan laluan kedua Projek KVMRT, Laluan Putrajaya (sebelum ini dikenali sebagai Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya atau Laluan SSP), telah diberikan oleh Kerajaan pada Februari 2014. Selepas proses pemeriksaan awam mandatori yang diadakan di antara bulan Mei dan Ogos 2015, kelulusan akhir untuk Skim Rel Laluan PY telah diberikan pada bulan Oktober 2015. Upacara pecah tanah bagi Laluan PY telah diadakan pada 15 September 2016. Pada akhir tempoh laporan, pembinaan Laluan PY adalah pada 85.12% siap.

Laluan ketiga yang dicadangkan di bawah Projek KVMRT adalah laluan litar yang akan berintegrasi dengan semua laluan sedia ada di dalam Rangkaian Rel Bandar Berintegrasi Lembah Klang. Koridor untuk Laluan Litar yang dicadangkan telah diperjelaskan oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat dan telah dikemaskini melalui kajian kebolehlaksanaan oleh MRT Corp. Pada Mei 2018, Kerajaan telah mengumumkan bahawa pembangunan Laluan Litar telah ditangguhkan sehingga situasi kewangan negara bertambah baik. Semasa pembentangan Belanjawan 2021 pada 6 November 2020, Kerajaan telah mengumumkan bahawa Projek Laluan Litar MRT3 akan diteruskan.

Garis Masa Projek Mass Rapid Transit Lembah Klang



Rangkaian Rel Bandar Berintegrasi Lembah Klang



1 KTM Laluan Batu Caves - Pulau Sebang KTM Batu Caves - Pulau Sebang Line	3 LRT Laluan Ampang LRT Ampang Line	5 LRT Laluan Kelana Jaya LRT Kelana Jaya Line	7 ERL Laluan KLIA Transit ERL KLIA Transit Line	9 MRT Laluan Kajang MRT Kajang Line	11 LRT Laluan Shah Alam (Akan Datang) LRT Shah Alam Line (Coming Soon)	B1 BRT Laluan Sunway BRT Sunway Line
2 KTM Laluan Tanjung Malim - Pelabuhan Klang KTM Tanjung Malim - Pelabuhan Klang Line	4 LRT Laluan Sri Petaling LRT Sri Petaling Line	6 ERL Laluan KLIA Ekspres ERL KLIA Ekspres Line	8 ERL Laluan KLIA Ekspres ERL KLIA Ekspres Line	10 KTM Laluan KL Sentral - Skypark Terminal KTM KL Sentral - Terminal Skypark Line	12 MRT Laluan Putrajaya MRT Putrajaya Line	P Tempat Letak Kendaraan Park and Ride
12 MRT Laluan Putrajaya MRT Putrajaya Line	11 LRT Laluan Shah Alam (Akan Datang) LRT Shah Alam Line (Coming Soon)	10 KTM Laluan KL Sentral - Skypark Terminal KTM KL Sentral - Terminal Skypark Line	9 MRT Laluan Kajang MRT Kajang Line	8 ERL Laluan KLIA Ekspres ERL KLIA Ekspres Line	7 ERL Laluan KLIA Transit ERL KLIA Transit Line	6 ERL Laluan KLIA Ekspres ERL KLIA Ekspres Line

| Stesen Sambungan / Connecting Station
 | Stesen Pertukaran / Interchange Station
 | Stesen / Station
 | Stesen Terminal / Terminal Station

Informasi Peta | Map Information

MRT Laluan Putrajaya

MRT Laluan Putrajaya

Laluan PY adalah laluan kedua Projek KVMRT yang dibangunkan, selepas Laluan KG. Laluan PY akan bermula dari Sungai Buloh, menerusi pusat bandar Kuala Lumpur dan kawasan pinggir selatan, hingga ke Putrajaya, pusat pentadbiran persekutuan Malaysia.

Jajaran sepanjang 57.3km ini terdiri daripada laluan bertingkat sepanjang 43.8km dan laluan bawah tanah sepanjang 13.5km. Laluan ini mempunyai 36 buah stesen dan empat stesen tambahan yang dirancang untuk dibina pada masa hadapan. Laluan ini mempunyai 27 buah stesen bertingkat dan sembilan buah stesen bawah tanah. Laluan PY mempunyai lima stesen pertukaran dan lima stesen sambungan dengan perkhidmatan rel sedia ada di rangkaian rel bandar Lembah Klang dan ini akan memudahkan pengguna bertukar dari satu laluan ke laluan yang lain.

Kabinet telah meluluskan pelaksanaan Laluan PY pada tahun 2014. Pemeriksaan awam di bawah Seksyen 8 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 telah dijalankan dari Mei hingga Ogos 2015 untuk membolehkan orang awam memberikan maklum balas dan bantahan. Kelulusan muktamad untuk Skim Keretapi Laluan PY telah diberikan oleh Kerajaan pada Oktober 2015, membolehkan proses pengambilan tanah dan proses perolehan dijalankan. Majlis pecah tanah Laluan PY telah diadakan di tapak Stesen MRT Putrajaya Sentral pada 15 November 2016, menandakan permulaan pembinaan untuk laluan ini.

Pada suku kedua tahun 2018, Kerajaan telah menilai semula projek-projek infrastruktur utama di seluruh negara, termasuk Laluan PY bagi mengurangkan perbelanjaan dana awam. Rundingan semula dengan semua pihak berkaitan dalam pembinaan Laluan PY termasuk PDP dan MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd, kontraktor kerja bawah tanah, telah dijalankan.

Pada Oktober 2018, Kerajaan telah mengumumkan bahawa satu persetujuan telah dicapai bagi struktur projek Laluan PY yang mana ianya akan diubah daripada struktur PDP kepada kontrak siap pakai, dan PDP mengambil peranan sebagai kontraktor siap pakai (TC). Satu persetujuan turut dicapai untuk mengurangkan kos pembinaan sebanyak RM8.82 bilion kepada RM30.53 bilion.


Pada 17 Januari 2020, Persetujuan Tambahan kepada Persetujuan Rakan Pelaksana Projek telah ditandatangani di majlis yang diadakan di Kementerian Kewangan, Putrajaya. Lanjutan kepada persetujuan tersebut, satu pemeriksaan awam bagi Pindaan Skim Keretapi Laluan PY telah diadakan pada 17 September 2020 hingga 17 Disember 2020. Pemeriksaan Awam ini bertujuan untuk mengumpulkan maklum balas dari orang awam berkenaan pertukaran yang dilakukan bagi Laluan PY disebabkan oleh rasionalisasi kos.


Namun begitu, oleh kerana pandemik Covid-19, reruai telah ditutup pada 22 Oktober 2020 sehingga akhir tempoh Pemeriksaan Awam. Berikut hal ini, segala maklumat telah disediakan secara maya termasuk borang maklum balas.

Fasa Satu Laluan PY merangkumi bahagian daripada Stesen MRT Sungai Buloh sehingga Stesen MRT Kampung Batu yang termasuk sebahagian daripada Laluan KG di antara stesen MRT Sungai Buloh dan Stesen MRT Kwasa Damansara yang akan dijadikan sebahagian daripada Laluan PY, akan memulakan operasi pada pertengahan 2021 sementara keseluruhan laluan daripada Stesen MRT Kampung Batu sehingga ke Stesen MRT Putrajaya Sentral akan memulakan operasi di bawah Fasa Dua pada awal 2023.



Peta Laluan MRT Putrajaya





Pembinaan

Bahagian Projek Laluan PY di MRT Corp menguruskan pembinaan jejambat bertingkat, depoh, terowong dan stesen serta sistem mekanikal dan elektrik yang diperlukan untuk sistem rel berfungsi sepenuhnya.

Sama seperti susunan kerja bagi Laluan KG sebelum ini, kerja-kerja bertingkat, depoh, kemudahan letak kereta bertingkat dan juga sistem elektrik dan mekanikal diselia oleh PDP sementara Kontraktor Pakej Kerja menjalankan aktiviti-aktiviti pembinaan.

Namun begitu, dengan termeterainya Persetujuan Tambahan di antara MRT Corp dan MMC Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn Bhd, struktur projek telah berubah kepada kontrak siap pakai, di mana PDP mengambil peranan TC.

Dengan perubahan ini, Bahagian Projek Laluan PY menyelia sepenuhnya semua kerja-kerja pembinaan laluan, termasuk kerja-kerja bawah tanah.

Pada 31 Disember 2020, kemajuan keseluruhan Laluan PY adalah 85.12% berbanding program 83.95% iaitu lebih daripada kemajuan yang telah dijadualkan.



Kemajuan Kerja-Kerja Bertingkat adalah

90.21%

Kemajuan pada 31 Disember 2020

85.12%

Kerja-Kerja Bertingkat

Kerja-kerja bertingkat merangkumi 10 pakej kerja jejambat bertingkat bagi landasan tunggal dan berkembar sepanjang 38.7km. Kerja-kerja bertingkat turut merangkumi pembinaan 24 buah stesen bertingkat dan sebuah depoh di Serdang.

Pembinaan kemudahan tempat letak kereta (MSPR) yang bersambung dengan stesen turut termasuk dalam skop kerja-kerja bertingkat.

Kesemua 10 pakej kerja bertingkat, dua pakej kerja galang kekotak berseghmen, 10 pakej kerja stesen dan dua pakej kerja MSPR di Stesen MRT Metro Prima dan Stesen MRT Taman Equine telah dianugerahkan dalam tempoh laporan.

Aktiviti-aktiviti pembinaan agak terkesan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dilaksanakan oleh kerajaan. Namun begitu, Tarikh penyiapan Fasa Satu dan Fasa Dua yang telah dirancang pada 31 Julai 2021 dan 31 Januari 2023 masih boleh dicapai.

Sehingga 31 Disember 2020, kemajuan kerja-kerja bertingkat adalah 90.21% siap, lebih awal daripada kemajuan yang dijadualkan pada 89.85%.

Fasa Satu Laluan PY (Sungai Buloh ke Kampung Batu): Kesemua jejambat (V201 ke V203) telah siap dan diserahkan kepada Kontraktor Kerja Landasan. Kesemua bilik peralatan untuk stesen (S201 ke S203) telah diserahkan kepada Kontraktor Sistem. Kerja-kerja struktur, senibina dan kerja-kerja Elektrikal dan Mekanikal untuk stesen sedang dijalankan. Pemeriksaan lif dan eskalator oleh JKPP sudah dimulakan.

Kerja-kerja luaran dan pintu masuk sedang dijalankan di tapak pembinaan. Pemeriksaan terakhir telah berjaya dijalankan di stesen Sri Delima, Kepong Baru dan Kampung Batu.

Fasa Dua Laluan PY (Kampung Batu ke Putrajaya Sentral): Papak bawah di bahagian potong dan tutup sedang dijalankan. Semua terowong dan jejambat (V204 ke V210) telah disiapkan dan diserahkan sepenuhnya kepada Kontraktor Kerja Landasan. Kerja-kerja senibina dan kerja-kerja Elektrikal dan Mekanikal untuk bengkel depoh dan bangunan pentadbiran berjalan dengan lancar. Untuk stesen-stesen (S204 ke S210), penyerahan bilik-bilik sistem kluster sedang dijalankan. Kerja-kerja senibina dan kerja-kerja Elektrikal dan Mekanikal sedang dijalankan sejajar dengan tarikh akses bagi kerja sistem.

Kerja-kerja senibina dan kerja-kerja Elektrikal dan Mekanikal sedang dijalankan sejajar dengan tarikh akses bagi kerja sistem.

Bawah Tanah

Kerja-kerja bawah tanah bagi Laluan PY merangkumi pembinaan terowong berkembar dan struktur berkaitan untuk bahagian jajaran bawah tanah sepanjang 13.5km termasuk 11 buah stesen bawah tanah (termasuk dua stesen tambahan).

Sehingga 31 Disember 2020, kemajuan keseluruhan stesen bawah tanah adalah 83.22% siap.

Kerja-kerja ekskavasi bagi semua kekotak stesen utama telah siap sementara syaf hampir siap di jalan penghubung bawah tanah Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan pintu masuk di dua stesen lain. Kerja-kerja konkrit bertetulang telah disiapkan di stesen Sentul Barat, Titiwangsa, HKL, Raja Uda, Ampang Park, Persiaran KLCC, Bandar Malaysia Utara dan Bandar Malaysia Selatan.

Di semua stesen, kerja-kerja senibina dan kemas seperti kerja blok, melapis lepaan lantai dan mengecat sedang dijalankan. Kerja-kerja elektrik dan mekanikal perkhidmatan bangunan seperti sistem perlindungan kebakaran, pembundungan kabel dan saluran sedang dijalankan di semua stesen dan syaf. Semua litar stesen dan bilik-bilik 33kV telah diserahkan kepada Kontraktor Kerja Sistem lebih awal daripada yang telah dijadualkan.


Satu pencapaian penting bagi pembinaan Laluan PY telah dicapai pada 11 Oktober 2020 apabila mesin pengorek terowong (TBM) yang terakhir telah dihentikan di stesen MRT Tun Razak Exchange, menandakan selesainya kerja-kerja ekskavasi terowong bagi projek ini.

Sejumlah 12 TBM telah digunakan untuk menyiapkan 16 bahagian terowong Laluan PY. TBM telah mengorek sepanjang 23,591m sepanjang tempoh 31 bulan. TBM telah menggali menerusi tiga jenis geologi utama di dasar Kuala Lumpur iaitu granit, batu kapur karstik, formasi Kenny Hill dan juga tindanan Alluvium.

Untuk menghadapi pelbagai keadaan tanah yang berbeza, 10 TBM pembolehubah ketumpatan dan dua TBM pengimbang tekanan tanah telah digunakan. Sejumlah sembilan lorong sesilang telah siap dibina di antara terowong utara dan selatan sebagai laluan kecemasan.

Kerja-kerja perlindungan bangunan dan penurapan sepanjang jajaran telah disiapkan terlebih dahulu sebelum ketibaan TBM. Penggalan TBM yang merentasi infrastruktur kritikal seperti landasan KTM, LRT dan ERL yang beroperasi telah berjaya dijalankan tanpa sebarang insiden.

Kesemua terowong telah diserahkan kepada kontraktor kerja landasan pada 31 Disember 2020.



TBM Dileraihan Dalam Terowong Dan Dikeluarkan



TBM Dilancarkan



TBM Dileraihan



Sejumlah 12 TBM telah digunakan untuk menyiapkan 16 bahagian terowong Laluan PY

Kemajuan keseluruhan stesen bawah tanah adalah

83.22%



Kerja-Kerja Sistem Elektrikal dan Mekanikal

Kerja-Kerja Sistem Elektrikal dan Mekanikal (E&M) bagi Laluan PY mengandungi tujuh pakej kerja.

Sehingga 31 Disember 2020, kemajuan keseluruhan kerja-kerja sistem E&M adalah 80.58% siap. Kemajuan Fasa Satu (dari Sungai Buloh ke Kampung Batu) adalah pada 93.90% siap sementara kemajuan bagi Fasa Dua (Kampung Batu ke Putrajaya Sentral) adalah 58.87% siap.

Pakej Kerja SY201 – Semboyan dan Kawalan Tren dan Pintu Skrin Platform/Pintu Platform Automatik: Kemajuan pada 31 Disember 2020 adalah 77.38% siap. Kerja-kerja pemasangan untuk sistem semboyan di litar dan pintu platform automatik di platform stesen bagi Fasa Satu telah siap.

Ujian Sistem Penerimaan dan Ujian Penerimaan Separa bagi Semboyan, Kawalan Tren dan Pintu Platform Automatik bagi Fasa Satu juga telah siap. Kerja-kerja pemasangan Sistem Semboyan bagi Fasa Dua sedang dijalankan di Depoh Serdang, stesen-stesen dan laluan tepi termasuk pemasangan Pintu Platform Automatik di platform stesen dan bilik peralatan. Pemasangan 'Trainborne' bagi ET32 telah siap sementara fabrikasi Pintu Skrin Platform bagi stesen bawah tanah sedang dijalankan di kilang pengeluaran di China.

Pakej Kerja SY202 – Sistem Penyeliaan Kawalan Bersepadu (ICSS) dan Sistem Pengurusan Penyelenggaraan Berkomputer (CMMS): Kemajuan Fasa Satu pada 31 Disember 2019 adalah 83.70% siap. Pengujian dan pentauliahkan ICSS dan CMMS bagi Fasa Satu sedang dijalankan, Ujian Integrasi Luar Tapak, Pemeriksaan Pos-Pemasangan dan Ujian Penerimaan Separa telah selesai. Ujian Sistem Penerimaan dan Ujian Sistem Integrasi sedang dijalankan dan dijadualkan siap untuk Percubaan Operasi. Latihan Paparan CMMS dan MIMIC telah sedia untuk pengendali telah selesai manakala ICSS masih sedang dijalankan.

Pakej Kerja SY203 – Tren Elektrik dan Peralatan Depoh: Kemajuan pada 31 Disember 2020 adalah 79.26% siap. Sejumlah 20 set tren telah dihantar ke Depoh Sungai Buloh untuk Pengoperasian Fasa Satu. Penghantaran tren ke Depoh Serdang sedang dijalankan sejak Ogos 2020 dengan sejumlah sembilan set tren telah dihantar ke depoh tersebut. Manakala di kilang pemasangan tren di Rasa, Hulu Selangor, pemasangan sedang dilakukan dengan kapasiti 1.5 tren sebulan. Pada akhir tempoh laporan, kilang pemasangan tren telah menerima bahagian badan tren dan bogi untuk 40 set tren dari kilang pengeluaran Rotem di Changwon, Korea Selatan.

Bagi Peralatan Depoh, Peralatan Basuhan Tren yang kedua telah dihantar dan dipasang di Depoh Serdang adalah Pelarik Roda Bawah Lantai, dua unit Pemirau Elektrik, Bicu Pengangkat Mudah Alih, Pengukur Profil Roda dan Peralatan Am.

Pada akhir tempoh laporan, tren-tren telah diuji bagi Ujian Sistem Penerimaan di landasan utama dari Stesen Damansara hingga Stesen Kepong Baru.


Pakej Kerja SY204 – Kerja-Kerja Landasan dan Penyelenggaraan Kenderaan dan Kerja-Kerja Tren: Sehingga 31 Disember 2020, kemajuan keseluruhan bagi kerja-kerja landasan dan penyelenggaraan kenderaan serta kerja-kerja tren adalah 83.78% siap. Kerja-kerja fizikal bagi landasan di Depoh Serdang telah siap sepenuhnya. Pemasangan landasan bagi Fasa Satu telah siap manakala bagi Fasa Dua, progress pemasangan adalah 51%.

Bagi Penyelenggaraan Kenderaan pula, Ujian Sistem Penerimaan telah selesai untuk Mesin Penghentak Kecil dan Unit Basuhan Landasan. Troli Landasan Bermotor telah dihantar ke gudang di Malaysia.

Pakej Kerja SY205 – Sistem Bekalan dan Pengagihan Kuasa: Sehingga 31 Disember 2020, kemajuan keseluruhan adalah 82.04%. Sejumlah 28 Substesen yang meliputi dua buah Substesen Bekalan Pukal, 16 Substesen Bekalan Kuasa Tarikan dan 10 Bangunan Utiliti berjaya dikuasakan.

Pakej Kerja SY206 – Komunikasi, Rangkaian Radio Bersepadu Kerajaan, Telekom Komersial (Infra) dan Sistem Teknologi Maklumat: Sehingga 31 Disember 2020, kemajuan bagi pakej kerja ini adalah 70.33%. Pemasangan peralatan telekomunikasi bagi kawasan Fasa Satu dari Depoh Sungai Buloh hingga Stesen Kampung Batu telah siap. Proses pemasangan peralatan telekomunikasi bagi Fasa Dua sedang dijalankan.

Pakej Kerja SY207 – Sistem Kutipan Tambang Automatik: Sehingga 31 Disember 2020, kemajuan keseluruhan adalah 76.47% berbanding dengan kemajuan yang rancangan pada 53.81%.



Bas Perantara

MRT Corp turut bertanggungjawab untuk perolehan bas perantara yang akan menyediakan perkhidmatan kesalinghubungan awal dan akhir bagi Laluan PY.

Bas perantara akan dikendalikan oleh Rapid Bus Sdn Bhd, anak syarikat Prasarana yang telah dilantik sebagai pengendali bas perantara Laluan PY oleh Kementerian Kewangan.

Sejumlah 150 buah bas telah disediakan untuk menyediakan perkhidmatan di 51 laluan yang dirancang untuk Laluan PY.

Perancangan untuk bas perantara Laluan PY adalah seperti yang tertera di bawah:

Fasa Satu: Selaras dengan aspirasi kerajaan untuk optimisasi kos, bas perantara Laluan PY Fasa Satu yang akan memulakan operasi pada 2021 akan menggunakan 50 unit bas perantara Laluan KG. Bas perantara tersebut akan beroperasi dari Depoh Bas Perantara Sungai Buloh dan kemudiannya dipindahkan ke Depoh Bas Perantara Jinjang sebaik sahaja depoh ini siap dibina.

Fasa Dua: Pada fasa ini, bas diesel Midi (kurang daripada sembilan meter) akan beroperasi dari Depoh Serdang berkemungkinan bas elektrik akan digunakan khas untuk Putrajaya dan alternatif laluan tambahan di Cyberjaya.

Dalam tempoh laporan, kontrak untuk membina Depoh Bas Serdang telah dianugerahkan kepada Johawaki Construction Sdn Bhd pada 17 September 2020 dan dijangka siap pada 2022.





Perolehan

Pada Julai 2018, Kerajaan telah melaksanakan pengurangan kos bagi Projek Laluan PY. Dalam usaha mengurangkan kos projek, MMC Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn Bhd (MGJV) mencadangkan beberapa langkah penjimatan kos, termasuk bertanggungjawab secara menyeluruh di atas pembinaan Laluan PY berdasarkan kontrak siap pakai. Kerajaan bersetuju dengan cadangan MGJV.

Pada 17 Januari 2020, MRT Corp dan MGJV telah menandatangani Perjanjian Tambahan kepada Perjanjian PDP dan MGJV dengan rasminya menjadi Kontraktor Siap Pakai (TC) untuk menjalankan pembinaan dan penyiapan baki kerja Laluan PY.

Sebelum pelantikan MGJV sebagai TC, hampir semua pakej kerja telah dianugerahkan, selain dari kontrak kecil subkontraktor dan pembekal yang terpilih/khusus. Perolehan pakej-pakej kerja ini akan dianugerahkan secara terus oleh TC tanpa penglibatan MRT Corp.

Walau bagaimanapun, perolehan pakej kerja yang bukan merupakan sebahagian daripada Perjanjian PDP sebelum ini akan terus dijalankan oleh MRT Corp. Pakej-pakej tersebut adalah perolehan bas perantara dan pembinaan depoh bas bagi Laluan PY, seperti yang dipaparkan dalam **Jadual 1**.

Dalam tempoh laporan, satu Pakej Kerja bernilai RM57.78 juta telah dianugerahkan secara langsung oleh MRT Corp. Pakej Kerja yang dianugerahkan dipaparkan dalam **Jadual 2**.

Tiga mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Sehati (OSPC) telah diadakan untuk membincangkan dan seterusnya meluluskan penganugerahan tender bagi Laluan PY. Jadual 3 memaparkan ringkasan mesyuarat.

Jadual 1: Status Perolehan

No	Kategori Pakej Kerja	Pakej Kerja yang dianugerahkan di antara 1 Januari 2020 dan 31 Disember 2020	Pakej Kerja yang dianugerahkan
1.	Depoh Bas	1	2
2.	Bas Perantara	-	-
Jumlah		1	2

Jadual 2: Kontrak Yang Telah Dianugerahkan Bagi Laluan PY

No.	Kod	Pakej Kerja	Nilai Kontrak (RM'Juta)
1.	BDT202	Cadangan Pembinaan dan Penyiapan Depoh Bas Perantara Laluan PY dan Kerja-kerja Berkaitan di Serdang, Selangor Darul Ehsan untuk MRT Corp Sdn Bhd	57,782,000.00

Jadual 3: Mesyuarat Proses Perolehan Laluan PY

No	Jenis Mesyuarat	Mesyuarat yang diadakan antara 1 Januari 2020 dan 31 Disember 2020	Kumulatif Mesyuarat yang Diadakan sehingga 31 Disember 2020
1.	Jawatankuasa Kerja (WC)	7 untuk Laluan Utama 10 Bas Laluan PY	115 (Laluan Utama) 26 (Bas Laluan PY)
2.	Jawatankuasa Teknikal Sehati (OSTC)	5 untuk Laluan Utama 5 untuk Bas Laluan PY	54 (Laluan Utama) 10 (Bas Laluan PY)
3.	Jawatankuasa Perolehan Sehati (OSPC)		
3(a)	OSPC II (Dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan)	1	9
3(b)	OSPC I (Dipengerusikan oleh Menteri Kewangan)	2	15

Tanah

Proses pengambilan tanah untuk 651 lot melibatkan 543 lot di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dan 108 lot di Selangor telah selesai pada 2019.

Jumlah pampasan yang telah dibayar untuk pengambilan tanah pada 31 Disember 2020 adalah RM6.15 billion.

Dalam tempoh laporan, aktiviti-aktiviti selepas pengeluaran Borang K telah dijalankan dan berada pada 37.83% kemajuan keseluruhan.

Ringkasan Pengambilan Tanah

Butir	Kuala Lumpur	Selangor	Jumlah
No Lot yang Diambil Alih	543	108	651
Jumlah Keseluruhan Pampasan (RM'Juta)	RM4,217,852,759.54	RM1,079,745,429.36	RM5,297,698,188.90
Bantahan Mahkamah (Borang N)	72	52	124
<ul style="list-style-type: none"> ○ Kes Selesai ○ Jumlah Keseluruhan Bayaran 	RM143,330,242.87	RM24,304,569.47	RM167,634,812.34

Aktiviti-Aktiviti Selepas Pengeluaran Borang K

Aktiviti Selepas Pengeluaran Borang K	Laluan Putrajaya
Hakmilik Sambungan	40%
Kerja Ukur Terowong	73.50%
Perizaban	0 %
Keseluruhan Kemajuan	37.83%

Program Kerjasama Industri

Program Kerjasama Industri merupakan satu instrumen yang telah diwujudkan oleh Kerajaan untuk menyokong pembangunan ekonomi nasional melalui perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja-kerja kerajaan. Objektif Program Kerjasama Industri adalah untuk mengoptimumkan nilai perolehan nasional dan memaksimumkan pulangan pelaburan negara.

Menurut Polisi dan Panduan Program Kerjasama Industri untuk perolehan kerajaan, setiap perolehan kerajaan daripada pembekal asing bernilai lebih daripada RM50 juta akan mencetuskan keperluan Ofset sementara setiap perolehan kerajaan yang bernilai lebih daripada RM100 juta yang melibatkan kontraktor tempatan akan mencetuskan keperluan untuk Program Peningkatan Ekonomi.

Inisiatif Program Kerjasama Industri boleh dilakukan di bawah kategori berikut - pelaburan langsung asing, lokalisasi atau subkontrak, pembangunan modal insan, pemindahan teknologi, aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan, dan akses pasaran.

Antara inisiatif-inisiatif penting program ini adalah:

Majlis Tandatangani Perjanjian Peringkat Kedua Program Kerjasama Industri antara Industri dan Akademik

Enam institusi pengajian tinggi iaitu Universiti Kuala Lumpur, Universiti Teknologi Petronas (UTP), Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Putra Malaysia, UniKL Malaysian Institute of Chemical and Bioengineering Technology dan Universiti Tunku Abdul Rahman, telah menerima RM3.88 juta bagi biasiswa penyelidikan dan pascasiswazah melalui Program Kerjasama Industri Laluan PY daripada enam kontraktor. Majlis tandatangan tersebut telah disaksikan oleh mantan Menteri Pelajaran YB Tuan Dr Maszlee Malik.

Sumbangan Peralatan Latihan Rel kepada Kolej Komuniti Masjid Tanah, Melaka

Kolej Komuniti Masjid Tanah, Melaka merupakan salah satu daripada beberapa institusi pengajian tinggi yang menawarkan Diploma dalam bidang tren (tren dan semboyan). Global Rail iaitu kontraktor bagi pakej kerja SY201 telah menyumbangkan setiap satu set peralatan Mesin Pertukaran Trek, Insulator Bahagian Berkelajuan Rendah, Konfigurasi Konfigurasi Jambatan Julur dan Semboyan Dua Aspek yang akan digunakan sebagai bantuan latihan untuk para pelajar KKMT.

Sumbangan Gerabak Tren kepada Universiti Kuala Lumpur – Malaysia Italy Design Institute

Gerabak tren telah diserahkan oleh HAP Consortium pada 7 Disember 2020 untuk digunakan sebagai bantuan latihan bagi Diploma Teknologi Kejuruteraan Sistem Tren dan juga Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Sistem Tren yang ditawarkan oleh pusat latihan tersebut.

Pemasangan Pusat Simulasi Kuasa Tren di Universiti Tunku Abdul Rahman

Colas Rail System Engineering Sdn Bhd, kontraktor pakej kerja bagi Pakej Kerja SY205 dengan kerjasama Universiti Tunku Abdul Rahman telah membina sebuah makmal yang dilengkapi Simulasi AC dan DC berkeupayaan penuh. Sistem simulasi tersebut meliputi Sistem Pemodelan Kuasa Tarikan, Kajian, Aliran Beban, Analisis Lintang Pintas dan Kualiti Kuasa. Dengan adanya makmal ini, Universiti Tunku Abdul Rahman telah membangunkan pelbagai modul bidang elektif bagi program Ijazah dan Sarjana.

Geran Penyelidikan kepada Universiti Teknologi Malaysia bagi Penilaian Bangunan Hijau BIM dan Projek Penyelidikan Pengurusan Rantaian Bekalan IBS

IJM Construction Sdn Bhd kontraktor pakej kerja bagi Pakej Kerja V203 telah menyediakan geran sebanyak RM 130,000.00 kepada UTM untuk satu projek penyelidikan yang akan membangunkan kaedah berasaskan-BIM untuk meningkatkan tahap automasi bagi penilaian GBI dan pengurusan rantaian bekalan IBS. Penyelidikan ini terbahagi kepada dua; Projek 1 (BIM untuk Penilaian Bangunan Hijau) menggunakan BIM 6D (keberkesanan) bagi analisis dan penilaian GBI, dan Projek 2 (Pengurusan Rantaian Bekalan IBS melalui BIM) yang akan melaksanakan BIM 4D (penjadualan) dan BIM 5D (kos) untuk menangani isu pengurusan rantaian bekalan IBS.

Impak Projek Program Kerjasama Industri bagi Laluan PY



Lokalisasi/Sub-kontrak

RM 2,637 juta



Akses Pasaran

RM 88.3 juta



Jumlah Benefisiari (Syarikat Beraudit)

322



Jumlah Peserta dalam Latihan
Pembangunan Tenaga Kerja
Keselamatan, Kesihatan dan Alam
Sekitar dan Pemodelan
Maklumat Bangunan

4282



Jumlah Pelaburan (FDI/
DDI/Penyediaan Kilang/
Usahasama)

RM 79.25 juta

Penyertaan Bumiputera


Program Penyertaan Bumiputera MRT Corp bagi Laluan PY merupakan satu kesinambungan daripada kejayaan pelaksanaan Penyertaan Bumiputera Laluan KG. Bagi Laluan PY, MRT Corp telah menyasarkan 45% daripada jumlah nilai kontrak untuk dianugerahkan kepada syarikat Bumiputera, satu peningkatan dari 43% bagi Laluan KG.

Pada akhir tempoh laporan, pakej-pakej kerja bernilai RM14 billion atau 46% daripada jumlah keseluruhan RM30.6 billion telah dianugerahkan kepada syarikat-syarikat Bumiputera. Selain daripada itu, inisiatif untuk melibatkan Gred G1 hingga G6 kontraktor Bumiputera di bawah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dalam pembinaan Laluan PY telah menunjukkan peningkatan peruntukan subkontrak bagi syarikat-syarikat tersebut. Pecahan kategori bagi pakej kerja adalah seperti yang ditunjukkan di **Jadual 1**.

Pada penghujung 2019, melalui inisiatif pemotongan kos daripada kerajaan sebelumnya, peranan PDP telah ditukarkan kepada TC. Seterusnya, subkontrak bernilai RM300 juta yang diperuntukkan bagi syarikat-syarikat Bumiputera Gred G1 hingga G4 telah dikurangkan kepada RM200 juta, dan RM300 juta yang telah diperuntukkan bagi syarikat-syarikat Bumiputera Gred G5 hingga G6 dan bagi kerja-kerja bawah tanah telah dikurangkan kepada RM200 juta.


Dalam tempoh laporan, sejumlah 224 subkontrak bagi pakej kerja-kerja bertingkat dan bawah tanah bernilai RM144.6 juta telah dianugerahkan. Kesemua subkontrak telah dianugerahkan kepada kontraktor Bumiputera Gred G1 hingga G4 melalui sesi undian. Sejumlah 14 subkontrak bernilai RM53.5 juta turut dianugerahkan kepada syarikat-syarikat Bumiputera Gred G5 dan 12 subkontrak bernilai RM108.5 juta dianugerahkan kepada syarikat-syarikat Bumiputera Gred G6. Pecahan pakej kerja yang telah dianugerahkan dipaparkan di **Jadual 2**.

Jadual 1: Kategori Pakej Kerja



Kerja-kerja Awalan	Kerja-kerja Bawah Tanah	Kerja-kerja Bertingkat	Stesen	Pembekal Khusus	Kontraktor Khusus	Depoh	Kerja-kerja Sistem	Tempat Letak Kereta	Jumlah
RM16 juta	RM7,735 juta	RM3,482 juta	RM1,290 juta	RM211 juta	RM136 juta	RM452 juta	RM1,822 juta	Belum Dianugerahkan	RM14,104 juta

Jadual 2: Pakej Kerja yang Dianugerahkan kepada Kontraktor Bumiputera



Sasaran	Pencapaian	Peratusan	Jumlah Pakej Kerja
RM400j	RM306.6j	76.6%	250

Program Usahawan Muda MRT

Berikutan kejayaan Program Usahawan Muda MRT yang pertama (MYEP I), Program Usahawan Muda MRT yang kedua (MYEP II) telah diwujudkan bagi Laluan PY. Program ini dijalankan dengan perkongsian strategik bersama Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan juga Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB).

Satu program latihan yang lebih teratur dan mantap selama 12 bulan telah dirangka untuk MYEP II, yang meliputi latihan intensif pembinaan profesional selama enam bulan oleh CIDB, latihan pengurusan selama tiga bulan, latihan motivasi dan keusahawanan selama tiga bulan oleh PUNB, dan latihan tapak selama tiga bulan di bawah seliaan MRT Corp dan PDP/TC.

Seramai 60 orang calon telah dipilih untuk menyertai MYEP II, di mana 50 subkontrak telah diperuntukkan untuk mereka sebaik sahaja menamatkan pengajian.

Seramai 52 orang calon telah melengkapkan program latihan dan telah menubuhkan 24 buah syarikat dengan lesen G2 CIDB. Syarikat-syarikat ini akan menerima bantuan dan sokongan dan prestasi mereka akan dipantau secara berterusan di bawah program tersebut.

Dalam tempoh laporan, 24 subkontrak bernilai RM7.7 juta telah dianugerahkan. Enam daripada 24 subkontrak yang dianugerahkan telah berjaya disiapkan.



Kuarters Pekerja


Terdapat sejumlah 14 Kuarters Pekerja (CLQ) yang disediakan untuk para pekerja yang terlibat dalam pembinaan Laluan PY di mana enam terletak di Sungai Buloh, tujuh di Serdang dan satu di Cochrane.

Berikutan pandemik Covid-19, tiga Kuarters Pekerja; V201 di Sungai Buloh, CLQ Cochrane di Kuala Lumpur dan V208 in Serdang telah dijadikan Pusat Kuarantin untuk mengasingkan para pekerja yang positif-Covid.

Pada masa ini, Kuarters Pekerja yang beroperasi menyediakan sebanyak 9,890 katil dan menempatkan 5,147 pekerja dari pelbagai kewarganegaraan.

Pada tempoh laporan ini, Kuarters Pekerja Serdang telah dirasmikan oleh mantan Timbalan Menteri Sumber Manusia Dato' Haji Mahfuz Omar pada 6 Februari 2020. Beliau mengucapkan tahniah kepada MRT Corp kerana telah menyediakan penginapan yang selesa dan selamat untuk para pekerja projek, dan turut memuji MRT Corp kerana telah menetapkan penanda aras kuarters pekerja.

Pada majlis pelancaran tersebut, MRT Corp telah menerima perakuan pematuhan kerana mematuhi Standard Malaysia berkenaan Kemudahan dan Penginapan Tapak Pembinaan Sementara – Tataamalan (MS2593:2015).



Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar

STAY MENTALLY HEALTHY
SOURCE: World Health Organization

MENTAL HEALTH INCLUDES OUR EMOTIONAL, PSYCHOLOGICAL, AND SOCIAL WELL-BEING. IT AFFECTS HOW WE THINK, FEEL, AND ACT. MENTAL HEALTH IS IMPORTANT AT EVERY STAGE OF LIFE, FROM CHILDHOOD AND ADOLESCENCE THROUGH ADULTHOOD.

Many factors contribute to mental health problems including:

- BIOLOGICAL FACTORS, SUCH AS GENES OR BRAIN CHEMISTRY
- LIFE EXPERIENCES, SUCH AS TRAUMA OR ABUSE
- FAMILY HISTORY OF MENTAL HEALTH PROBLEMS

Positive mental health allows people to:

- REALIZE THEIR FULL POTENTIAL
- COPE WITH THE STRESSES OF LIFE
- WORK PRODUCTIVELY
- MAKE MEANINGFUL CONTRIBUTIONS TO THE COMMUNITIES

Ways to maintain positive mental health:

- GET PROFESSIONAL HELP IF YOU NEED IT
- DISCUSS YOUR PROBLEMS
- HELP OTHERS
- GET ENOUGH SLEEP
- STAY POSITIVE
- CONNECT WITH OTHERS
- PLAN YOUR WORK AHEAD
- DEVELOP COPING SKILLS

This message is brought to you by Standard & Compliance

Sejak wabak Covid-19 melanda, MRT Corp telah berusaha tanpa henti dalam menerapkan budaya keselamatan, kesihatan dan alam sekitar (SHE) di kalangan warga kerjanya.

Dalam tempoh laporan, seramai 15 warga kerja MRT Corp telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Kerja Wabak Covid-19 untuk membincangkan tentang kes-kes yang berkaitan dengan pandemik. Satu Prosedur Pengurusan Covid-19 telah diwujudkan untuk menerangkan tentang proses pengurusan am yang melibatkan MRT Corp, warga kerja, penghuni bangunan dan para pelawat semasa pandemik Covid-19. MRT Corp juga telah membeli pelbagai set kit RTK-Antibodi dan RTK-Antigen yang digunakan untuk memeriksa status kesihatan warga kerja MRT Corp. Program kesihatan yang berterusan ini dilakukan oleh warga kerja unit SHE yang terlatih.

Selain daripada itu, beberapa aktiviti telah diadakan untuk keselamatan dan kesihatan warga kerja MRT Corp, termasuk kesihatan mental. Tema Hari Kesihatan dan Keselamatan di Tempat Kerja Sedunia 2020 tertumpu kepada kesihatan mental, dalam memastikan warga kerja mempunyai pemahaman yang lebih baik tentang kesihatan mental dan hubungannya dengan pandemik semasa. Aktiviti-aktiviti seperti Kempen Kesedaran Kesihatan Mental, Kuiz Keselamatan dan Kesihatan dan Ceramah Kesihatan Mental telah diadakan menggunakan platform Google Meet atas sebab pandemik, sebelum Persidangan Keselamatan dan Kesihatan Organisasi KVMRT diadakan.

Untuk tahun yang kelimanya, MRT Corp telah menyambut Hari Alam Sekitar Negara dalam menyokong inisiatif kerajaan untuk mewujudkan perasaan menyayangi alam sekitar. Sejalan dengan sambutan tersebut, satu webinar berkenaan 'Kesan pandemik Covid-19 pada alam sekitar' telah diadakan semasa Persidangan Alam Sekitar KVMRT.

Satu webinar keselamatan juga turut diadakan untuk meningkatkan kesedaran dan mendidik warga kerja berkenaan keganasan dan gangguan di tempat kerja. Selain daripada itu, Kursus Pasukan Respons Kecemasan dan Ahli Pertolongan Cemas, dan juga program baharu seperti Program Pelatih SHE KVMRT dan Program Insentif SHE KVMRT telah diadakan.

Tujuan dua program tersebut adalah untuk menghargai para pekerja dan pelatih SHE di kalangan Kontraktor Pakej Kerja yang menunjukkan prestasi berterusan yang cemerlang dan juga memotivasikan mereka dalam mempertingkatkan produktiviti kerja.



Komunikasi dan Perhubungan Pihak Berkepentingan

Acara dan Aktiviti

Dalam tempoh laporan, beberapa acara dan aktiviti yang melibatkan pihak awam dan juga warga kerja telah dijalankan oleh MRT Corp walaupun menghadapi pandemik Covid-19.

Sesi Undian Projek Bumiputera MRT Laluan PY yang ke-25 telah diadakan pada 15 Januari 2020 di Ibu Pejabat MRT Corp di Kuala Lumpur. Sejumlah sembilan subkontrak bagi pembinaan Laluan PY bernilai RM2,241,378.63 telah dianugerahkan kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera G1-G3.

Pencapaian pertama dalam tahun 2020 bagi Projek Laluan PY adalah memeterai Perjanjian Tambahan kepada Perjanjian Rakan Pelaksana Projek dalam satu majlis yang diadakan di Kementerian Kewangan, Putrajaya pada 17 Januari 2020. Perjanjian tersebut ditandatangani oleh MRT Corp dan MMC Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn Bhd menandakan keputusan kos rasionalisasi projek yang mengurangkan kos pembinaan Laluan PY sebanyak RM8.82 billion daripada RM39.35 billion kepada RM30.53 billion.

Kuarters Pekerja (CLQ) Serdang telah dibuka secara rasmi oleh mantan Timbalan Menteri Sumber Manusia Dato' Haji Mahfuz Omar pada 6 Februari 2020. CLQ Serdang menyediakan penginapan untuk para pekerja bagi pakej bertingkat selatan Projek Laluan PY. Sijil Pematuhan turut diberikan di majlis tersebut, di atas pematuhan Standard Malaysia berkenaan Kemudahan dan Penginapan Tapak Pembinaan Sementara – Tataamalan (MS2593:2015).

MRT Corp mengarap satu lagi pencapaian bagi Projek Laluan PY apabila menerima pensijilan ISO 14001:2015 Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS). Pensijilan tersebut diserahkan oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd dalam satu majlis yang diadakan pada 12 Februari 2020 di Ibu Pejabat MRT Corp di Kuala Lumpur. SIRIM QAS merupakan juruaudit yang dilantik bagi pensijilan di mana dua peringkat audit pensijilan telah dijalankan pada 31 Oktober 2019 dan 27 hingga 29 November 2019.

Satu delegasi peringkat tinggi yang terdiri daripada Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Kerja Raya bersama dengan para pegawai dari dua kementerian tersebut telah melawat tapak Stesen MRT Chan Sow Lin pada 13 Februari 2020. Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Datuk Isham Ishak dan rakan sejawat beliau dalam Kementerian Kerja Raya Dato' Dr Syed Omar Sharifuddin Syed Ikhsan telah meluangkan masa lebih sejam untuk menyaksikan kemajuan penggalian kotak stesen di tapak tersebut. Delegasi turut turun 40 meter ke bawah aras tapak kotak stesen di mana terletaknya ruang terowong.

Timbalan Menteri Pengangkutan YB Tuan Hasbi Habibollah telah melawat MRT Corp pada 18 Jun 2020. Beliau dan delegasinya telah diberikan penerangan berkenaan struktur, modul pembiayaan, kemajuan projek dan ruang niaga MRT Corp semasa sesi taklimat. Delegasi kemudiannya menaiki tren Laluan KG.

Satu lagi pencapaian utama bagi Projek Laluan PY ialah penembusan mesin pengorek terowong (TBM) yang terakhir pada 17 Julai 2020. TBM tersebut yang diberi nama kod TBM 774, telah dilancarkan pada September 2019 dari tapak Stesen MRT Conlay dan telah mengorek bahagian terowong MRT di bawah Jalan Stonor, Persiaran KLCC, Jalan

Binjai dan Jalan Ampang termasuk terowong LRT Laluan Kelana Jaya hingga ke tapak Stesen MRT Ampang Park, sepanjang 917 meter secara keseluruhannya.

Pada 6 Ogos 2020, satu majlis makan malam telah diadakan di Pullman Kuala Lumpur Bangsar memberi peluang kepada Timbalan Menteri Kewangan II YB Tuan Mohd Shahar Abdullah untuk beramah mesra dengan para peserta Program Usahawan Muda MRT. Seramai tujuh peserta daripada program yang pertama dan 17 peserta daripada program kedua telah menghadiri majlis makan malam tersebut.

Pemeriksaan Awam untuk Pindaan Skim Keretapi MRT Laluan PY telah diadakan pada 17 September 2020 hingga 17 Disember 2020.

Pemeriksaan Awam ini adalah untuk mengemas kini perubahan yang telah dibuat agar selaras dengan Skim Keretapi MRT Laluan PY selepas inisiatif rasionalisasi kos telah dilaksanakan dan juga bagi mengumpul maklum balas daripada orang awam.

Sebuah reruai di pejabat APAD Kuala Lumpur telah disediakan untuk orang awam memeriksa pindaan konteks tapak stesen dan dokumen berkaitan dan juga untuk memberikan maklum balas.

Namun begitu, oleh kerana pandemik Covid-19, reruai tersebut telah ditutup pada 22 Oktober 2020 sehingga tempoh akhir pemeriksaan awam. Atas sebab ini, segala maklumat termasuk borang maklum balas telah disediakan melalui atas talian.

TRANSEAT- Pertandingan Reka Bentuk Bangku Stesen Bawah Tanah Laluan PY telah diadakan oleh MRT Corp bermula dari 1 Jun 2020 hingga 31 Julai 2020 dengan kerjasama Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM) dan sokongan oleh Persatuan Pereka Perindustrian Malaysia (PEREKA).


Pada 29 September 2020, penilaian Tahap Satu telah dijalankan sementara pada 15 Disember 2020, penilaian akhir diadakan di MRM Innovative Hall di Bukit Jalil. Pemenang Hadiah Utama akan memenangi pulang RM10,000 sementara tempat kedua dan ketiga akan memenangi RM7,000 dan RM5,000. Kategori hadiah khas sejumlah RM5,000 turut akan dianugerahkan kepada penyertaan terbaik oleh pelajar. Pengumuman pemenang akan dilakukan pada 2021.



Hab Informasi Projek MRT

Pusat Informasi MRT (MIC) telah diwujudkan sebagai hab informasi utama bagi MRT Laluan PY. Ia terletak di tapak Stesen MRT Bandar Malaysia Utara dan dilengkapi dengan aplikasi 'Hawkeye' yang memaparkan pandangan udara 360-darjah keseluruhan Laluan PY, kaunter maklum balas, papan maklumat, risalah dan juga sebuah model terperinci mesin pengorek terowong.

Dalam tempoh laporan, MIC telah menerima 1,894 pelawat. Kemerosotan daripada 2,004 pelawat pada tahun 2019 adalah disebabkan oleh pandemik Covid-19 di mana MIC telah ditutup daripada beroperasi.



Perhubungan Pihak Berkepentingan

Terdapat sebanyak 42 sesi perjumpaan dengan pihak berkepentingan bagi Laluan PY. Sesi perjumpaan ini telah diadakan menurut prosedur operasi standard yang ketat untuk memastikan keselamatan dan kesihatan mereka yang hadir semasa pandemik Covid-19 yang melanda negara. Sesi perjumpaan ini diadakan untuk mengemas kini aktiviti-aktiviti pembinaan dan menangani masalah yang berkaitan dengan pembinaan yang dihadapi oleh pihak berkepentingan.





MRT Laluan Kajang

MRT Laluan Kajang

Laluan KG sepanjang 51km adalah laluan pertama Projek KVMRT yang dilaksanakan. Laluan ini bermula dari Sungai Buloh, yang terletak di arah barat laut Kuala Lumpur dan melalui bahagian tengah ibu negara sebelum berakhir di Kajang, sebuah bandar yang giat berkembang yang terletak di sebelah tenggara bandaraya Kuala Lumpur. Laluan itu menyediakan perkhidmatan tren di koridor yang dianggarkan mempunyai 1.2 juta jumlah penduduk.

Laluan KG mempunyai landasan bawah tanah sepanjang 9.5km di bawah pusat bandar Kuala Lumpur manakala selebihnya merupakan landasan bertingkat. Daripada keseluruhan 31 stesen, tujuh daripadanya adalah bawah tanah.


Fasa Satu, yang melibatkan bahagian bertingkat di sebelah utara yang terdiri daripada 12 stesen di antara Stesen Sungai Buloh dan Stesen Semantan, memulakan operasi pada 16 Disember 2016 sementara keseluruhan bahagian bawah tanah dan bahagian bertingkat di selatan yang mempunyai 19 stesen telah dibuka pada 17 Julai 2017.

Laluan ini mempunyai 58 set tren empat-gerabak. Setiap tren boleh membawa seramai 1,200 orang penumpang.

Sebaik sahaja ianya dibuka, Laluan KG telah diserahkan kepada Rapid Rail Sdn Bhd, anak syarikat Prasarana, sebagai pengendali laluan.



Peta Laluan MRT Kajang



Bas Perantara

Perkhidmatan bas perantara Laluan KG telah berjaya dilancarkan pada 16 Disember 2016 menggunakan 150 buah bas Volvo daripada Depoh Sungai Buloh dan bas Scania dengan jumlah yang sama daripada Depoh Kajang secara harian.

Pada tahun sebelumnya, Lembaga Getah Malaysia telah bekerjasama dengan MRT Corp untuk projek perintis tayar Getah Asli Berepoksi (ENR).

Dikenali sebagai Ekoprena, produk ini adalah getah mesra alam yang dihasilkan untuk memberikan prestasi yang lebih baik dan mengurangkan penggunaan bahan bakar selain daripada memberikan lebih keselamatan.

Sepanjang tempoh laporan, 348 tayar ENR telah dipasang pada 87 buah bas Volvo. Berdasarkan maklum balas dari Rapid Bus, hasil projek perintis ini sangat memberangsangkan dari segi ketahanan dan prestasi jarak pembrekan.

Tempoh Liabiliti Kecacatan

Dalam tempoh laporan, penutupan Jadual Akhir Kecacatan (FSOD) untuk 150 buah bas Scania secara telah selesai sementara 150 buah bas Volvo telah mencapai 99% kadar penyelesaian.

Ini adalah sebahagian daripada tanggungjawab Kontraktor Pakej Kerja untuk memperbaiki segala kerosakan, kecacatan atau kegagalan setiap satu daripada 300 bas perantara Laluan KG pada akhir Tempoh Liabiliti Kecacatan.

Kerja-kerja pemeriksaan, pendaftaran senarai kecacatan, pemantauan dan pengesahan pelaksanaan kerja dilakukan bersama di antara MRT Corp, Rapid Bus dan Kontraktor Pakej Kerja untuk memastikan kerja-kerja baikpulih yang dijalankan selaras piawai operasi.

Dalam tempoh laporan ini juga, penyerahan bas-bas perantara dan peralatan yang berkaitan daripada Scania dan Volvo telah mencapai 100%. Ini termasuk tiga unit ayunan transmisi dan peralatan ganti daripada Scania telah tiba di Depoh Bas Kajang pada bulan Julai dan Ogos.

Pengurusan Aset dan Fasiliti

Dalam tempoh laporan, Jabatan Pengurusan Aset dan Fasiliti secara rasminya telah menyerahkan semua dokumen-dokumen yang diperlukan berkenaan Sistem Bas seperti Manual Operasi dan Penyelenggaraan, Lukisan Siap-Bina, Pengujian dan Pentauliahan dan dokumen lain yang berkaitan kepada Rapid Bus pada bulan Ogos 2020.

Kesemua item kecacatan dan tertunggak yang berkaitan dengan Sistem Bersepadu Bas (BIS) termasuk peralatan dalam bas (OBE) untuk semua 300 buah bas dan peralatan pusat di depoh bas (Depoh Bas Sungai Buloh, Kajang dan Desa Tun Razak) telah selesai dan Sijil Siap Membaiki Kecacatan (CMGD) telah diserahkan kepada Kontraktor Pakej Kerja pada Julai 2020.

Perkara-perkara penting lain yang dijalankan dalam tempoh laporan adalah:

- Sejumlah 22 pemeriksaan berkala untuk bas perantara di 30 stesen MRT telah diadakan.
- Empat pemeriksaan telah dijalankan untuk pengesahan laporan kerugian dan kerosakan bas Volvo di Depoh Bas Sungai Buloh.
- Audit Prestasi Aset telah dijalankan ke atas pengendali bas perantara iaitu Rapid Bus. Lima ketidakpatuhan dan empat pemerhatian berkaitan dengan rekod kalibrasi yang tidak mencukupi, rekod pengubahsuaian aset, dokumen-dokumen dan rekod aktiviti penyelenggaraan dan kelemahan penyelenggaraan telah dikenalpasti.
- Kerjasama dengan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) dan Lembaga Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) berkenaan inisiatif B100 untuk mendedahkan kepada agensi kerajaan dan bandar tentang bas yang menggunakan bahanapi rendah karbon di Malaysia dan menyokong penggunaan campuran biofuel yang lebih tinggi untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dan pelepasan lain di bandar - Aplikasi AFM telah diterima dan akan dibincangkan dalam mesyuarat CCTRC.
- Audit luaran oleh BDO Governance Advisory Sdn Bhd berkenaan Kajian Pematuhan Perjanjian Operasi dan Penyelenggaraan (O&M) bagi Laluan KG.

Komunikasi dan Perhubungan Pihak Berkepentingan

Acara dan Aktiviti

Dalam tempoh laporan, beberapa acara dan aktivasi berkaitan dengan Laluan KG telah berjaya diadakan oleh MRT Corp untuk pihak awam dan juga warga kerja walaupun berhadapan dengan pandemik Covid-19.

Edisi pertama 'Program MRT Bersama Komuniti' bagi tahun 2020 telah dianjurkan dengan kerjasama Persatuan Penyayang dan Kesaksamaan Kuala Lumpur (PPKKL) pada 17 Mei 2020.

Pengagihan Zakat Wakalah MRT Corp telah diadakan di kawasan terbuka Pasaraya Hero Bandar Sri Permaisuri, Cheras selari dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Seramai 200 individu Asnaf Bandar Tun Razak telah menerima barangan dapur berjumlah RM35.00 setiap seorang. Derma ini diharap dapat membantu mereka dalam persediaan juadah berbuka puasa dan sahur.

Pada 1 Jun 2020, Timbalan Menteri Kewangan II YB Tuan Mohd Shahrar Abdullah telah melawat MRT Corp di mana beliau bersama tiga orang pegawai telah diberikan taklimat berkenaan Projek KVMRT di ibu pejabat MRT Corp yang terletak di Kuala Lumpur dan turut melawat ruang-ruang niaga Laluan KG.

Program MRT Bersama Komuniti: CSR Merdeka – Jom Naik MRT Bersama Anak Yatim telah diadakan pada 29 Ogos 2020. Aktiviti ini telah dijalankan oleh seramai 25 warga kerja MRT Corp dengan sokongan dari 27 orang sukarelawan dari segi pelbagai barangan dan tunai. 20 orang anak yatim dari Bandar Tun Razak telah dipilih untuk menyertai program ini yang diadakan bersempena dengan bulan Merdeka. Rombongan ini menaiki tren Laluan KG dari Stesen MRT Taman Permata ke Stesen MRT Muzium Negara.



RTS Link Johor Bahru - Singapura

RTS Link Johor Bahru - Singapura

MRTS, anak syarikat MRT Corp merupakan sebuah Syarikat Infrastruktur (InfraCo) yang menguruskan kontraktor dan perunding-perunding yang dilantik untuk pembinaan kerja-kerja infrastruktur di Malaysia bagi Projek Rapid Transit System Link (RTS Link) di antara Johor Bahru dan Singapura.

RTS Link merangkumi laluan sepanjang 4km di antara dua buah stesen, satu di Bukit Chagar, Johor Bahru dan satu stesen di Woodlands North, Singapura, dan sebuah Depoh Penyelenggaraan RTS Link di Wadi Hana, Johor Bahru.

RTS Link dijangka beroperasi pada Disember 2026. RTS Link dijangka akan mempunyai penumpang harian seramai 40,000 penumpang pada tahun pertama pengoperasian. Ini akan membantu mengurangkan kesesakan di Tambak Johor dan lintasan sempadan lain di antara Malaysia dan Singapura. Tren RTS Link mempunyai kapasiti 10,000 penumpang setiap jam, di kedua-dua arah.


Dalam tempoh laporan, Upacara Pecah Tanah Projek RTS Link telah dirasmikan oleh Baginda Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, di dalam satu upacara yang diadakan secara maya pada 22 November 2020.

Upacara pecah tanah telah diadakan di tapak Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin di Bukit Chagar sementara Baginda Sultan Ibrahim merasmikan majlis dari Istana Bukit Serene. Antara yang menghadiri majlis ini adalah Menteri Pengangkutan Datuk Seri Ir Dr Wee Ka Siong yang menyertai upacara pecah tanah ini melalui aplikasi persidangan video.

Pada hari yang berikutnya, MRT dengan kerjasama Persatuan Akitik Malaysia telah melancarkan pertandingan reka bentuk fasad Stesen RTS Link Bukit Chagar.



Peta Laluan RTS Link Johor Bahru - Singapura



Perolehan

MRTS adalah Syarikat Infrastruktur (InfraCo) yang menguruskan kontraktor dan perunding-perunding untuk pembinaan kerja-kerja infrastruktur bagi Projek RTS Link di antara Johor Bahru dan Singapura. Dalam tempoh laporan, lapan pakej kerja di bawah MRTS telah berjaya dianugerahkan seperti yang diringkaskan dalam **Jadual 1**.

Lapan pakej kerja yang dianugerahkan bernilai RM2.026 bilion (selepas pelarasan nilai keseluruhan kos utama). Perincian pakej kerja yang dianugerahkan dan perkhidmatan perundingan diringkaskan dalam **Jadual 2**.

Dalam tempoh laporan, tiga mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Sehati (OSPC) telah diadakan untuk mempertimbangkan dan seterusnya meluluskan penganugerahan tender bagi RTS Link. **Jadual 3** memaparkan ringkasan mesyuarat yang telah diadakan.

Jadual 1: Status Perolehan

No	Kategori Pakej Kerja	Projek yang dianugerahkan pada 1 Januari 2020 dan 31 Disember 2020	Projek yang dianugerahkan
Sivil dan Infrastruktur:			
1.	Kerja-Kerja Awalan Reka Bentuk & Pembinaan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin Jejambat Stesen Depoh	1	1
Perkhidmatan Perunding:			
2.	Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA)	1	1
3.	Penilaian Impak Warisan (HIA)	1	1
4.	Penilaian Impak Sosial (SIA)	1	1
5.	Perkhidmatan Undang-Undang	1	1
6.	Tinjauan Tanah	1	1
7.	Juruukur Bahan	1	1
8.	Jurutera Perunding Bebas (ICE)	1	1
Jumlah		8	8

Jadual 2: Pakej Kerja Bagi RTS Link

No.	Kod	Pakej Kerja	Jumlah Dianugerahkan (RM*Juta)
1	-	Projek Rapid Transit System Link (RTS Link) di antara Johor Bahru dan Singapura	2,000,000,000.00

No.	Kod	Pakej Kerja	Jumlah Dianugerahkan (RM*Juta)
1.	-	Permohonan Cadangan (RFP) untuk Pelantikan Perkhidmatan Perunding bagi Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA)	1,380,000.00
2.	-	Permohonan Cadangan (RFP) untuk Pelantikan Perkhidmatan Perunding bagi Penilaian Impak Warisan (HIA)	252,400.00
3.	-	Permohonan Cadangan (RFP) untuk Pelantikan Perkhidmatan Perunding bagi Penilaian Impak Sosial (SIA)	352,400.00
4.	-	Permohonan Cadangan (RFP) untuk Pelantikan Perkhidmatan Undang-Undang Berkenaan Perjanjian Pembinaan	225,000.00
5.	-	Permohonan Cadangan (RFP) untuk Pelantikan Perunding Juruukur Tanah	790,000.00
6.	-	Permohonan Cadangan (RFP) untuk Pelantikan Perkhidmatan Perundingan bagi Juruukur Bahan (QS)	3,800,500.00
7.	-	Pelantikan Perkhidmatan Jurutera Perunding Bebas (ICE)	19,000,000.00

Jadual 3: Mesyuarat Proses Perolehan Bagi RTS Link

No	Jenis Mesyuarat	Mesyuarat yang diadakan di antara 1 Januari 2020 dan 31 Disember 2020	Kumulatif Mesyuarat yang diadakan sehingga 31 Disember 2020
1.	Jawatankuasa Kerja (WC)	16	18
2.	Jawatankuasa Teknikal Sehenti (OSTC)	10	12
3.	Jawatankuasa Perolehan Sehenti (OSPC)		
	OSPC II (Dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan)	1	1
	OSPC I (Dipengerusikan oleh Menteri Kewangan)	2	3

Penyertaan Bumiputera

Program Penyertaan Bumiputera turut akan dilaksanakan untuk Projek RTS Link. Kementerian Kewangan meluluskan sebanyak 40% daripada keseluruhan nilai projek telah diperuntukkan untuk dianugerahkan kepada Kontraktor Bumiputera dari Gred G1 hingga G7.

Pada akhir tempoh laporan, MRT telah mengumumkan jemputan untuk menyertai program latihan Ekspresi Minat, yang dibuka kepada semua Kontraktor Bumiputera Gred G1 dan G2 yang berdaftar dengan daerah Johor Bahru dan juga Kontraktor Bumiputera Gred G3 dan G4 yang berdaftar dengan negeri Johor. Penyaringan dan penilaian pemilihan kontraktor sedang dijalankan.

Bagi Kontraktor Bumiputera Gred G5 dan G6, pemilihan akan dibuat oleh kontraktor yang dilantik dengan persetujuan MRTS.

Program Usahawan Muda MRTS

MRT Corp melalui anak syarikatnya MRTS, akan meneruskan agenda dalam membangunkan dan melatih kontraktor Bumiputera baru untuk menyertai Projek RTS Link. MRTS akan meneruskan kerjasama dengan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) untuk membangunkan program tersebut.

Program ini masih dalam fasa perancangan dan akan diumumkan secara rasmi selepas Memorandum Persefahaman ditandatangani oleh semua pihak.



Komunikasi dan Perhubungan Pihak Berkepentingan

Acara dan Aktiviti

Pencapaian pertama bagi Projek RTS Link adalah Perjanjian Dua Hala di antara Malaysia dan Singapura yang telah ditandatangani pada 30 Julai 2020. perjanjian ini telah ditandatangani oleh Menteri Pengangkutan Malaysia Datuk Seri Ir Dr Wee Ka Siong dan rakan sejawat beliau Mr Ong Ye Kung. Kemudiannya, satu upacara pertukaran dokumen telah diadakan di Tambak Johor dan disaksikan oleh Perdana Menteri kedua-dua buah negara.

Pada 22 November 2020, Baginda Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar merasmikan majlis pecah tanah Projek RTS Link yang menandakan bermulanya kerja-kerja pembinaan projek ini. Majlis pecah tanah secara fizikal telah diadakan di tapak Bangunan Imigresen, Kastam dan Kuarantin di Bukit Chagar, sementara Baginda Sultan Ibrahim merasmikan majlis secara maya dari Istana Bukit Serene di mana baginda menandatangani e-plak yang mencetuskan mesin cerucuk gerudi di Bukit Chagar untuk menggerudi masuk cerucuk ke dalam tanah.



Menteri Pengangkutan Datuk Seri Ir Dr Wee Ka Siong menghadiri upacara ini secara maya dari pejabatnya di Putrajaya sementara lebih 200 orang tetamu menyaksikan upacara ini melalui aplikasi persidangan video.

Sehari selepas majlis pecah tanah, MRT Corp dengan kerjasama Persatuan Akitek Malaysia telah melancarkan pertandingan reka bentuk fasad untuk Stesen RTS Link Bukit Chagar. Pertandingan ini telah dibuka kepada semua arkitek Malaysia dan diharapkan bahawa reka bentuk terbaik untuk stesen ini akan menjadi satu mercu tanda yang ikonik di Johor Bahru dan juga sebagai laluan masuk selatan yang baru ke negara ini.

Pada 2 Disember 2020, MRTS telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Johor Centre for Construction Development (JCCD) bagi penyertaan kontraktor Bumiputera dalam Projek RTS Link. Majlis ini telah diadakan secara maya di mana pihak JCCD menurunkan tandatangan di Kota Iskandar, Johor dan pihak MRTS melakukannya di Kuala Lumpur.

Strategi Penyertaan Bumiputera MRT Corp bagi Projek RTS Link menyaksikan 40% dari keseluruhan kos infrastruktur bernilai RM800 juta diperuntukkan dan dianugerahkan kepada kontraktor Bumiputera.

Komersial

Pembangunan Perniagaan

Aktiviti-aktiviti komersial MRT Corp meliputi semua pendapatan bukan tambang yang telah dijalankan melalui pengiklanan, telekomunikasi komersial, sewaan ruang niaga, sewaan ruang acara, perfileman, penggambaran dan teknologi baru. Ringkasan aktiviti-aktiviti bukan tambang yang telah dilaksanakan di Laluan KG adalah seperti yang dipaparkan di bawah:

Aktiviti-aktiviti Bukan Tambang



Pengiklanan

Pengiklanan termasuk pengiklanan di stesen, tren, dan luaran laluan KG. Konsesi pengiklanan yang dilantik bagi pengiklanan stesen dan tren adalah Titanium Compass Sdn Bhd sementara pengiklanan luaran pula diuruskan oleh Big Tree Seni Jaya.

